

"WAHA! orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisa', ayat 59.

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK

4.40

| SUBUH

4.50

| SYURUK

6.14

| DUHA

6.38

| ZUHUR

12.27

| ASAR

3.52

| MAGHRIB

6.37

| ISYAK

7.52

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 82

9 JULAI 2025 / 1447

محرم 13

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

GUNAKAN TEKNOLOGI DIGITAL DALAM URUS TADBIR ZAKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Dewan Majlis. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Antara hikmah dan tujuan Allah Subhanahu Wata'ala mensyariatkan zakat ialah untuk kemaslahatan golongan kaya atau keberkemampuan dapat mengagihkan zakat kepada golongan yang kurang berkemampuan.

Di sinilah hebatnya Islam itu, mengajar kita bagaimana mengurus harta melalui zakat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di Jalan Dewan Majlis, di sini.

>> Muka 3

Keselarasan kemajuan teknologi dengan martabat, kesejahteraan insan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Di Negara Brunei Darussalam (NBD), komitmen terhadap agenda keselamatan dan kesihatan pekerjaan terus diperkasa.

Melalui Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), kita telah mengambil langkah-langkah pembaharuan perundangan, termasuk Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Kerja dari Tempat Tinggi) 2025 dan Pindaan kepada Peraturan-peraturan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja) 2025.

>> Muka 8

Projek AquaPV Udang Biru usaha negara majukan industri akuakultur

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SERASA, Isnin, 7 Julai. - Projek AquaPV Net-Zero Untuk Udang Biru Generasi Seterusnya dan Hab Integrasi A.. (Net-Zero AquaPV Project for Next-Generation Blue Shrimp and A.I Integration Hub) merupakan pencapaian penting dalam usaha berterusan negara kita untuk memajukan industri akuakultur, khususnya menerusi kebangkitan semula penternakan Udang Biru, satu spesies yang terkenal dengan nilai pemakanan dan komersial yang tinggi.

Kemudahan tersebut menandakan penternakan kembali Udang Biru, yang kini dipertingkatkan dengan penyelesaian tenaga

bersih dan sistem dipacu Kecerdasan Buatan (AI) dan ia mewakili era baharu ketepatan akuakultur dengan produktiviti yang dipertingkatkan seiring dengan tanggungjawab dan kemampunan alam sekitar.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan demikian semasa berucap pada majlis perasmian projek berkenaan yang berlangsung di Pusat Perikanan Serasa, hari ini.

>> Muka 5

Bahasa kukuh cerminkan bangsa berilmu, bertamadun

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Memperkasakan bahasa Melayu adalah usaha kolektif yang memerlukan kesedaran, kerjasama dan iltizam seluruh masyarakat.

Bahasa yang kukuh mencerminkan bangsa yang berilmu, beradab dan bertamadun. Pada masa ini, peranan bahasa Melayu semakin mencabar. Namun cabaran itu juga membuka peluang bagi kita untuk mengangkat martabatnya ke peringkat yang

lebih tinggi dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi sehinggalah kepada pembangunan modal insan dan kesejahteraan nasional.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang berlangsung di Balai Sarmayuda DBP, Berakas, hari ini.

>> Muka 7



Berita Utama



UBD - Baiduri Capital memeterai MoU dalam meningkatkan pendidikan kewangan

Muka 9



449 pelajar diraikan pada Majlis Hafl At-Takharruj

Muka 17



BIBD, BSI perkukuh kerjasama dalam pembiayaan perdagangan patuh syariah

Muka 19



PERSEDIAAN menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 perlihatkan semangat padu, komitmen rakyat

Muka 22

SEAMEO - Pupuk kerjasama inklusif, inovasi bina masa depan mampan Asia Tenggara



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berucap pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak CPRN Pusat SEAMEO yang berlangsung pada Khamis, 3 Julai 2025 di The Empire Brunei.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Ak. Jefferi bin Pg. Durahman

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat pagi**

BAGI pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan selaku Menteri Pendidikan dan Presiden Majlis SEAMEO, adalah satu penghormatan besar untuk mengalu-alukan awda semua kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi dan ke Sidang Kemuncak rangkaian

dasar dan Penyelidikan Pusat-pusat SEAMEO (CPRN) 2025 tahun ini.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat SEAMEO dan SEAMEO VOTTECH kerana menganjurkan bersama perhimpunan serantau yang penting ini, dan untuk memilih NBD sekali lagi sebagai tuan rumah bagi Sidang Kemuncak tahun ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Unit SEAMEO yang mengambil bahagian, organisasi rakan kongsi dan pakar-pakar yang dijemput untuk menyertai kami dalam misi yang dikongsi ini.

Tema yang akan kita bincangkan sepanjang beberapa hari yang akan datang - 'Membina Jambatan Untuk Masa Hadapan Yang Mampan: Kerjasama dan Inovasi Inklusif Dalam Pendidikan, Sains dan Kebudayaan' akan turut mendalam misi teras SEAMEO dan keperluan mendesak rantau kita. Tema ini bukan sekadar koleksi kata-kata; ia merupakan seruan kepada tindakan; satu pelan tindakan untuk kemajuan dan bukti kepada komitmen kita bersama untuk masa depan yang lebih cerah dan saksama untuk Asia Tenggara.

Sejak penubuhannya sebagai komponen Kolej SEAMEO pada 2013 dan penubuhannya secara formal pada Mac 2016, SEAMEO telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kerelevanan dan kepekaan Pusat-pusat SEAMEO dan sekretariat kepada keperluan dasar dan penyelidikan pemimpin pendidikan di Asia Tenggara.

Perjalanan kita telah ditandai dengan pencapaian penting dan impak dalam aktiviti penyelidikan.

Daripada meneroka kemasukan biodiversiti dalam pendidikan persekitaran,

seperti yang ditunjukkan oleh SEAMEO biotrop, untuk menangani isu-isu kritikal dalam pendidikan STEM, Pusat-pusat SEAMEO kita telah terlibat secara aktif dalam pelbagai penyelidikan. Aktiviti-aktiviti penyelidikan yang lalu dan yang berterusan ini bukan latihan akademik semata-mata; ia adalah sumbangan penting yang memaklumkan dasar, membentuk amalan pendidikan, dan akhirnya meningkatkan kualiti hidup berjuta-juta orang di rantau kita. Mereka memaparkan antipati peranan kolektif kita sebagai kumpulan pemikir serantau, menjalankan penyelidikan yang boleh dipercayai dan sah secara proaktif yang sejajar dan sering memimpin, trend pembangunan. Sidang Kemuncak ini merupakan platform yang menawarkan untuk menengahkan penyelidikan-penyelidikan yang menyentuh inti pati amalan serantau, yang berasaskan realiti dan bertujuan untuk perubahan yang boleh diambil tindakan.

Saya gembira bahawa perbincangan pada Sidang Kemuncak pada 2024 meletakkan asas yang kukuh, menekankan bahawa keterangkuman bukan hanya satu kepentingan moral tetapi keperluan strategik untuk membina Asia Tenggara yang benar-benar bersedia untuk masa hadapan. Semangat inklusif inilah yang telah kami bawa ke hadapan dalam Sidang Kemuncak tahun ini, sedang kami berusaha untuk membina jambatan yang lebih kukuh ke arah masa hadapan yang mampan.

Sidang Kemuncak tahun ini akan menampilkan perbincangan dasar dan penyelidikan bersama, untuk memudah cara dan menjana tajuk penyelidikan dasar yang dicadangkan, dengan tujuan untuk membangunkan hala tuju penyelidikan yang

jasas yang dijalankan oleh Pusat-pusat SEAMEO. Fokus sesi ini adalah berkongsi idea, mengenal pasti hambatan, membentangkan saranan dan membuat keputusan mengenai langkah seterusnya. Sesi ini merupakan satu langkah penting dalam SEAMEO, dengan menyelaraskan usaha kita merentasi tiga tunggak pendidikan, sains dan budaya dan dengan mengumpulkan kepakaran kolektif, kita mempunyai peluang yang lebih baik untuk menangani isu-isu yang mendesak pada masa kini dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang bakal muncul.

Sepanjang dua hari yang akan datang, kita akan mendengar daripada penceramah utama yang terkenal yang akan mengongsi pandangan, inovasi dan penyelesaian yang telah secara berterusan mengubah persekitaran pembelajaran. Dari bilik darjah digital hingga teknologi hijau, huraian pendidikan dan penjagaan kesihatan yang didorong oleh AI untuk melindungi warisan budaya melalui wadah-wadah digital, topik-topik yang diliputi dalam sidang ini mencerminkan betapa luas keperluan untuk agenda kita bersama.

Sedang kita memulakan perbincangan dan kerjasama di Sidang Kemuncak SEAMEO CPRN 2025, marilah kita mengingati tanggungjawab dan peluang besar yang terletak di hadapan kita. Kita bukan sahaja penyelidik; kita adalah pembina jambatan, inovator, dan pemangkin untuk perubahan. Dengan memupuk kerjasama inklusif dan inovasi dalam pendidikan, sains, dan budaya, kita secara kolektif boleh membina masa depan yang mampan bagi Asia Tenggara.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	RABU	13	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	KHAMIS	14	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	JUMAAT	15	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	SABTU	16	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
13	AHAD	17	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	ISNIN	18	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	SELASA	19	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 26 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
32 26 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
32 26 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 26 °C	32 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 9 JULAI 2025

Bersatu padu, harmoni bersama jiran tetangga

SESUNGGUHNYA mengeratkan dan memelihara hubungan dengan jiran tetangga adalah sangat penting. Ini kerana jiran umpama saudara yang dekat dan berada pada kedudukan yang paling mudah untuk kita saling bantu-membantu, apatah lagi dengan adanya sikap kemesraan dan saling pemedulian, ia dapat menjadikan kehidupan bermasyarakat dan bernegara itu lebih bersatu padu dan harmoni serta jauh daripada sebarang persengketaan dan permusuhan.

Kita hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain, kerana itulah agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan memelihara hubungan persaudaraan yang baik sesama manusia tanpa mengira agama, pangkat mahupun bangsa terutamanya dengan jiran tetangga.

Dalam menjaga hubungan silaturahmi sesama jiran, janganlah sekali-kali kita menyakiti hati mereka, sama ada dengan perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan sesama jiran tetangga.

Ini termasuklah dalam perkara menjaga kebersihan di kawasan tempat kita tinggal atau kawasan jiran yang tinggal berdekatan dengan kediaman kita, antaranya seperti tidak membiarkan rumput atau pokok-pokok di halaman rumah terbiar sehingga mengganggu kawasan atau halaman rumah jiran, membiarkan sampah-sarap berlonggok dan bersepah sehingga mengeluarkan bau yang busuk dan tidak menyenangkan.

Demikian antara yang terkandung di dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini yang membawakan tajuk 'Menjaga Hak Jiran Tetangga'.

Selain itu, dalam khutbah juga menjelaskan usaha menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran, kita juga hendaklah peka dan sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur seperti tidak membiarkan binatang ternakan dan peliharaan berkeliraran, apatah lagi sehingga memasuki kawasan dan halaman rumah jiran serta membuat kotor atau merosakkan bunga, tanaman atau harta benda jiran dan elakkanlah berbuat bising atau hiburan yang keterlaluan sehingga larut malam yang boleh menyebabkan jiran berasa terganggu dan sukar untuk beristirahat.

Dalam masa yang sama, hak dan tanggungjawab yang mesti kita tunaikan ialah tidak menyakiti dan menyusahkan jiran sama ada dari segi perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku dan janganlah terpengaruh dengan kata-kata orang yang cuba memburuk-burukkan jirannya serta jangan menyempitkan perjalanan menuju ke rumah jiran.

Oleh itu, amalan hormat menghormati, bantu-membantu dan saling bertolak ansur sesama jiran akan dapat menjadikan kehidupan berjiran lebih harmoni, sejahtera dan akhirnya akan melahirkan masyarakat, bangsa dan negara yang kuat dan bersatu padu.

- **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Gunakan teknologi digital dalam urus tadbir zakat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, kita di Brunei mempunyai Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) untuk mentadbir hal ehwal zakat

termasuk menjadi harapan kita untuk mencapai matlamat kedua Wawasan Negara, iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, dalam lingkungan tempoh masa sebelum menjelang tahun 2035, urus tadbir institusi zakat

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

yang cekap dapat menyumbang kepada keberkesanan pengurusan kewangan zakat.

Oleh itu, baginda menekankan, KHEU khususnya JUZWAB hendaklah memastikan sebarang masalah komunikasi yang kurang cekap di semua peringkat untuk diperbaiki supaya tidak menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat dan kemajuan JUZWAB.

"Beta turut menyokong penggunaan teknologi digital dalam urus tadbir zakat demi memudahkan dan mempercepatkan proses pengurusan zakat khususnya dalam hal penilaian permohonan dan pengagihan zakat supaya menjadi lebih efisien, cepat, tepat dan konsisten.

"Adakah JUZWAB sudah memiliki atau menggunakan teknologi digital seperti ini? Jika ya, beta ingin mengetahui keberkesanan penggunaan teknologi digital yang dipakai itu dan jika belum, apakah sebabnya?" titah baginda lagi.

Menurut titah kebawah DYMM

lagi, Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) juga perlu diutamakan supaya lebih ramai asnaf yang terpilih mampu menjana ekonomi masing-masing secara berterusan.

Perkara yang baik seumpama ini titah baginda, jangan ia dilengah-lengahkan sehingga mengambil masa bertahun-tahun untuk mengadakan satu projek.

Kebawah DYMM turut bertitah, *project management* yang teratur mestilah dilaksanakan oleh PROPAZ dengan peruntukan *timeline* yang munasabah supaya permasalahan dapat ditangani lebih awal dan jika pihak JUZWAB belum mahir dalam perkara ini, maka boleh saja belajar atau bekerjasama dengan pihak lain.

"Beta ingin menyebut mengenai bantuan pembinaan rumah untuk asnaf zakat yang layak mendapat pembiayaan melalui kumpulan wang zakat dan harta Baitulmal.

"Beta ingin tahu adakah masih ramai asnaf yang menunggu

giliran mereka? Sepatutnya mana-mana asnaf yang benar-benar memerlukan bantuan, hendaklah dengan segera dipantuni," titah baginda lagi.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menegaskan mahu jawatankuasa pandu (*steering committee*) ditubuhkan bagi pengurusan pengagihan zakat dan kemajuan tanah-tanah wakaf dan harta Baitulmal.

Keahliannya tambah titah baginda, perlu dipelbagaikan bukan hanya dari mereka yang memiliki latar belakang agama tetapi juga termasuk juga yang memiliki latar belakang lain yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang keusahawanan dan juga pihak swasta.

Kebawah DYMM juga bertitah menegaskan, ahli-ahli yang terlibat di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN), jawatankuasa tersebut juga perlu untuk menghadapkan laporan berserta statistik-statistik rasmi terkini setiap enam bulan ke mesyuarat Menteri-menteri Kabinet untuk dijadikan agenda perbincangan mengenainya.

INSTITUSI ZAKAT BERPERANAN MENANGANI KEMASLAHATAN, KESUSAHAN MASYARAKAT ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, bagi meningkatkan taraf institusi zakat, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) juga perlu mempraktikkan Good Governance seperti juga

mustahak untuk membarigakan *milestones* yang dicapai oleh JUZWAB.

Semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kriteria kelayakan penerima zakat dari golongan tertentu perlu dikemas

kini dan dihadapkan kepada jawatankuasa pandu untuk disokong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, begitu juga dasar-dasar peraturan pengendalian zakat hendaklah dikemas kini supaya tidak mudah untuk dieksploitasi.

Dalam titah, baginda turut menekankan agar jangan ada

ruang untuk penyelewengan dalam mengagihkan zakat, peganglah kuat-kuat amanah pengurusan zakat, wakaf dan harta Baitulmal dengan tulus, ikhlas.

"Beta mahu melihat *progress* dalam pengendalian. Kita juga mesti sedar bahawa adalah berdosa jika gagal untuk melaksanakan pengagihan zakat dengan sebaik-baiknya.

"Ingatlah institusi zakat adalah harapan untuk menangani kemaslahatan dan

kesusahan dialami oleh masyarakat Islam di negara ini, serta juga akan menguatkan lagi strategi jaminan sosial dan kesejahteraan", titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menegaskan agar asnaf perlu juga diperingatkan bahawa zakat bukanlah dimaksudkan untuk menjadi sumber pendapatan tetap, tetapi setiap permohonan adalah semata-mata tertakluk kepada penilaian jua.

Promosi zakat boleh disalurkan melalui khutbah, ceramah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mempersoalkan mengapa sering berlaku sungutan mengenai permohonan-permohonan zakat, lambat menerima agihan?

Dalam titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut mempersoalkan, ada yang terpaksa menunggu sampai berbulan malah bertahun dan mengapakan perkara seperti ini boleh berlaku?

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, dikatakan kerana terpaksa untuk mengambil masa membuat penilaian kerana semua permohonan mesti dinilai terlebih dahulu.

"Baik mari kita tetapkan permohonan itu ialah asnaf, fakir miskin. Kita akan nilai dia sama ada benar ataupun tidak dia atau fakir miskin.

"Pada beta, tidaklah ada susahnya untuk membuat penilaian kerana siapa memohon kita sudah tahu di mana rumahnya, di mana kampungnya, dan siapa Ketua Kampungnya. Lalu tidak bolehkan diatarkan kakitangan Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) bersama Ketua Kampung untuk turun padang mengunjungi pemohon bagi menyaksikan sendiri keadaan pemohon dan untuk mengetahui semua perkara yang diperlukan sehingga dengan itu dapatlah dimuktamadkan penilaian sama ada pemohon layak atau tidak

untuk menerima zakat.

"Tidaklah memadai penilaian dibuat dengan cara ini, dan jika memadai adakah mesti sampai mengambil masa berbulan atau bertahun?", titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, contoh lain ialah asnaf Al-Gharimin, iaitu pemohon kerana berhutang, yang penilaian di sini juga tidak susah.

"Memadai kita pastikan betulkah dia benar-benar berhutang, kepada siapa dia berhutang? Katakan dia berhutang kepada bank, berapa hutangnya? Mungkin dalam rekod bank dia mampu membayar hutang secara potongan gaji, tetapi sekarang dia sudah tidak lagi bekerja kerana sebab tertentu maka baki hutang dia di bank tidak lagi dapat dibayar.

"Kerana itu dia memohon zakat selaku asnaf Al-Garimin. Adakah dalam kes ini juga penilaian mesti dibuat sampai berbulan atau bertahun?

"Pihak berkenaan mengeluh kerana mendapatkan zakat

berkurangan. Mengapa kurang? Kerana ramai orang tidak berzakat. Jadi apa KHEU patut buat?", soal titah baginda lagi.

Kebawah DYMM turut bertitah, sekurang-kurangnya yang patut dibuat ialah dengan mengadakan kempen menerusi iklan seperti iklan untuk menambah dana masjid dan iklan untuk anak-anak yatim yang disiarkan berulang-ulang kepada setiap hari melalui televisyen.

Malah titah baginda lagi, iklan menggalakkan berzakat adalah lebih utama dibuat kerana zakat perkara wajib.

Jelas titah baginda, mustahak orang ramai diberitahu bahawa akibat tidak berzakat atau enggan mengeluarkan zakat adalah dosa besar, boleh mengundang kepada neraka, sebaliknya, menunaikan zakat membawa pelakunya ke syurga.

"Tetapi beta belum pernah melihat seperti ini dibuat. Padahal perkaranya tidaklah susah.

"Di samping untuk promosi supaya zakat juga boleh disalurkan melalui khutbah dan ceramah-ceramah oleh para da'ie dan penceramah," titah baginda lagi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BERKENAN MENGADAKAN KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE KHEU

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis (atas, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan pegawai-pegawai kanan KHEU.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia memulakan Keberangkatan Tidak Berjadual dengan keberangkatan ke Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan KHEU dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Terdahulu itu, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

KHEU berperanan sebagai peneraju perkhidmatan agama dan bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam termasuk urusan zakat, wakaf dan Baitulmal serta melahirkan para da'ie yang diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Visi KHEU ialah 'Memperkasakan Perkhidmatan Ugama Yang Berkualiti dan Berinovatif'.

Manakala, misi KHEU ialah 'Mengetarkan Urus Tadbir Perkhidmatan Ugama Secara Berkesan dan Berinovasi Bagi Pembangunan dan Kesejahteraan Negara'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra semasa keberangkatan berkenaan.



ANTARA yang hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri dan atas).

Memastikan asnaf, fakir, miskin dapat *sustain* dalam kehidupan mereka

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengajukan beberapa pertanyaan untuk dijawab oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) secara bertulis, iaitu apakah masalah yang berbangkit mengenai pengagihan zakat dalam proses penilaian sehingga zakat itu dapat diagihkan?

Semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke KHEU, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah mempersoalkan, jika asnaf fakir miskin mengalami masalah pengagihan zakat tetapi mengapa pula masalah ini berlaku kepada asnaf, amil turut pula lambat menerima zakat?

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut bertanya, adakah JUZWAB pernah mengongsi, berbincang dengan pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) berhubung dengan maklumat temu duga atau hasil siasatan ke atas para pemohon untuk digunakan sebagai dasar menentukan kriteria kelayakan.

"Cuma terangkan apakah kriteria-kriteria kelayakan bagi penerima semua golongan asnaf Negara Brunei Darussalam? Berapa kerapkah mesyuarat penilaian kelayakan penerima zakat diadakan?"

"Berapa banyakkah permohonan baharu dan lama telah disemak dalam setiap mesyuarat? Berapa banyakkah permohonan yang masih *pending*, masih menunggu, belum lagi selesai?"

"Adakah terdapat di Brunei statistik mengenai kemiskinan? Setakat ini, berapa ramai rakyat dan penduduk disahkan sebagai fakir dan miskin?", titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, dua cara bantuan dari JUZWAB sedang diperkenalkan, iaitu memastikan asnaf, fakir dan miskin dapat *sustain* dalam kehidupan mereka seharian, iaitu pertama melalui bantuan secara bulanan, dan kedua bantuan untuk meningkatkan keupayaan.

Dalam perkara ini titah baginda lagi, adakah pemantauan dibuat ke atas asnaf yang diberi bantuan untuk meningkatkan keupayaan sama ada mereka itu boleh menjadi pembayar zakat dan setakat ini, berapa buahkah rumah yang dibina oleh Baitulmal dan adakah semuanya telah dihuni?

PROJEK AQUAPV UDANG BIRU USAHA NEGARA MAJUKAN INDUSTRI AKUAKULTUR



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada majlis perasmian projek berkenaan.

tersebut juga mencerminkan imperatif global yang lebih besar dalam perubahan iklim dan kelestarian.

Permintaan makanan yang meningkat akibat pertumbuhan populasi tambah Yang Berhormat, telah membawa kepada peningkatan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan kemerosotan alam sekitar.

Pada 2022 jelas Yang Berhormat, Rangkaian Ketahanan Iklim ASEAN (ASEAN Climate Resilience Network) menekankan bahawa pertanian (termasuk perikanan), perhutanan dan penggunaan tanah menyumbang antara 13 hingga 21 peratus daripada pelepasan GHG global.

Akuakultur, ujar Yang Berhormat lagi, juga telah dikenal pasti sebagai sumber pelepasan utama dan oleh itu, Projek Net-Zero AquaPV hari ini memberikan peluang untuk mengubah arah aliran berkenaan.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan, kolam seluas 10,000 meter persegi yang dikuasakan oleh panel Fotovoltaik,

menunjukkan contoh berharga pertanian *off-grid* dan pengurusan tanah dwiguna yang cekap.

Sistem itu kata Yang Berhormat, menyerlahkan sinergi antara penjanaan tenaga bersih dan akuakultur mampan, sambil menawarkan pelan tindakan untuk sistem pertanian masa hadapan yang mengurangkan ketergantungan kepada bahan api fosil dan menyokong komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah Sifar Bersih menjelang 2050.

"Lebih daripada sekadar meningkatkan pengeluaran udang, kemudahan ini merangkumi pendekatan holistik yang mengimbangi peluang ekonomi dengan tanggungjawab dan kelestarian alam sekitar.

"Ia adalah satu langkah sejajar dengan matlamat pembangunan jangka panjang NBD yang menyokong keselamatan makanan, peralihan tenaga, dan pertumbuhan karbon rendah," tegas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, seiring perkembangan projek tersebut, ia juga akan berfungsi sebagai platform untuk pembelajaran berterusan, penyelidikan dan penambahbaikan. Pemantauan prestasi berasaskan data yang menggunakan AI akan membantu meningkatkan hasil,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mengembangkan integrasi tenaga boleh diperbaharui, dan membangunkan model boleh diskala yang boleh dijadikan panduan oleh orang lain. Projek tersebut merupakan demonstrasi yang nyata bahawa kita boleh bertani dan berkembang maju, sambil mengutamakan kelestarian.

Inisiatif tersebut tegas Yang Berhormat, juga menyokong visi negara, iaitu Wawasan Brunei 2035 dengan mempromosi kepelbagaian ekonomi, pemerkasa belia, dan pengurusan alam sekitar.

Melalui kerjasama dengan DABANC Holding Limited, Syarikat Jets Sdn. Bhd., dan rakan ASEAN tambah Yang Berhormat, kita sedang menerajui laluan pembangunan yang boleh memberi inspirasi kepada rantau ini dalam usaha kelestarian mereka.

"Komitmen NBD terhadap teknologi bersih, penggunaan sumber yang bertanggungjawab, dan daya tahan ekonomi menjadi contoh berharga bagaimana industri sedia masa hadapan boleh dibina dengan mengambil kira penjagaan alam sekitar pada jangka yang panjang," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat

menyatakan penghormatannya untuk bersama-sama merasmikan pelancaran inisiatif berwawasan dan berpandangan ke hadapan tersebut, kemudahan akuakultur udang berkuasa solar berskala besar yang pertama di Asia Tenggara.

Jelas Yang Berhormat, pelancaran tersebut bukan sahaja satu peristiwa penting bagi NBD, tetapi juga demonstrasi bagaimana teknologi canggih, inovasi dan kemampanan boleh bersatu untuk membina masa depan yang lebih baik.

"Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa projek ini mewakili pencapaian penting dalam usaha berterusan negara kita untuk memajukan industri akuakultur terutamanya melalui kebangkitan semula penternakan Udang Biru," ujarinya.

Yang Berhormat juga berbangga dengan kejayaan fasa awal tersebut dan seterusnya akan mencetuskan komitmen dan kerjasama yang lebih jauh lagi. Dengan tanggungjawab bersama dan pandangan teknologi hadapan, NBD mampu menjadi peneraju dalam membina industri akuakultur yang mampan, berteknologi tinggi, dan berdaya tahan untuk manfaat generasi akan datang.

Projek Net-Zero Shrimp Aquaculture, AI Integration Hab Pertama di Asia Tenggara



PELANCARAN projek tersebut disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi); Pengerusi dan Pengerusi Bersama DABANC Holding Limited, Profesor Wang Rui Ping dan Hellen Tse serta Pengarah Urusan Syarikat Jets Sdn. Bhd. yang juga Naib Pengerusi dan Ketua Eksekutif DABANC Holding Limited, Eyan Qu.

SERASA, Isnin, 7 Julai. - Syarikat Jets Sdn. Bhd. (Jets), sebuah syarikat akuakultur, berserta dengan syarikat induknya, iaitu DABANC Group, sebuah syarikat pembekal aset digital yang ternama hari ini secara rasminya melancarkan pangkalan akuakultur udang yang pertama di Asia Tenggara hari ini.

Projek yang berlangsung di kawasan Pusat Perikanan Serasa di sini akan diintegrasikan dengan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) serta berciri Net-Zero Emission.

Sehubungan itu, pelancaran projek tersebut disempurnakan

bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Pengerusi dan Pengerusi Bersama DABANC Holding Limited, Profesor Wang Rui Ping, dan Hellen Tse serta Pengarah Urusan Syarikat Jets

Sdn. Bhd. yang juga Naib Pengerusi dan Ketua Eksekutif DABANC Holding Limited, Eyan Qu.

Terdahulu, Eyan Qu dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa usaha yang menggabungkan kemajuan teknologi dengan kepentingan alam sekitar akan membawa masa depan yang lebih bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jelasnya, projek yang baharu dirasmikan tersebut menandakan permulaan era baharu bukan hanya untuk NBD dan Asia Tenggara, tetapi juga tatacara

bagaimana makanan, tenaga dan kecerdasan boleh digabungkan secara lestari.

Tambahnya, perasmian pangkalan akuakultur udang berkuasa solar dengan pelepasan sifar bersih digabungkan dengan program pembiakan Udang Biru generasi akan datang dan hab aplikasi integrasi AI.

Eyan Qu seterusnya menjelaskan ia lebih daripada sekadar sebuah kemudahan dan ia adalah model, prototaip bagaimana kita boleh menangani tiga cabaran global, iaitu keselamatan makanan, daya tahan iklim dan kesaksamaan teknologi.

Beliau menekankan, Inisiatif tersebut selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, terutamanya visinya untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan, disokong oleh rakyat yang berkemahiran tinggi dan infrastruktur bertaraf dunia.

Dengan menyelaraskan tenaga bersih dengan akuakultur pintar tambahnya, projek tersebut merangkumi pemacu nasional ke arah inovasi hijau, industri berasaskan pengetahuan dan kepelbagaian.

Pusat itu katanya lagi, akan menempatkan sistem AI tercanggih untuk memantau kualiti air, mengoptimumkan kitaran pemakanan, dan meramal pola penyakit serta dikuasakan sepenuhnya oleh tenaga bersih.

Pada masa yang sama ujarinya, ia akan berfungsi sebagai hab inovasi terbuka, yang mengalu-alukan penyelidikan, syarikat permulaan, dan pembuat dasar dari seluruh ASEAN.

Matlamat projek tersebut

melibatkan pembangunan hab inovasi bagi industri akuakultur di rantau ASEAN dengan memberikan tumpuan penting kepada penggunaan teknologi pintar di setiap aspek termasuk pemantauan kualiti air, ramalan penyakit serta meningkatkan hasil pengeluaran dan di samping itu juga akan mengutamakan integrasi tenaga suria, bagi mencapai komitmen syarikat terhadap kelestarian alam sekitar.

Juga hadir, wakil daripada sektor kerajaan, akademik, industri dan organisasi antarabangsa, serta telah disanjung sebagai sebuah inisiatif yang termuka dalam pembangunan ekonomi hijau, industri teknologi pintar dan peningkatan sekuriti makanan.

Adapun Syarikat Jets Sdn. Bhd. merupakan sebuah anak syarikat kepada syarikat usaha sama di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Dana Modal Pembangunan Strategik, Bahagian Pelaburan.

Aktiviti utama syarikat berkenaan adalah bagi penternakan Udang Biru Rostris, di beberapa tapak di NBD, untuk memenuhi keperluan pasaran domestik dan pasaran eksport.

Manakala DABANC Group pula adalah sebuah syarikat pelaburan yang beribu pejabat di Hong Kong dan mempunyai beberapa cawangan di Republik Rakyat China, Sarawak, NBD dan Amerika Syarikat.

Pelaburan syarikat berkenaan adalah tertumpu kepada sektor-sektor seperti Pusat Data, AI *hyperscaler*, tenaga hijau, *blockchain/crypto* dan perbankan digital.

UTB RANGKUL PIALA CANSELOR 2024

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Pertandingan Kuiz Piala Canselor 2024 (kanan). Manakala gambar kanan sekali, penyerahan simbolik bendera Piala Canselor dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

TUNGKU, Selasa, 8 Julai. - Piala Canselor 2024 melabuhkan tirainya dengan majlis penutup yang diadakan di Pusat Seni Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), petang tadi.

Majlis tersebut menandakan berakhirnya kejohanan berprestij yang menghimpunkan para pelajar daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharaan Sultan' dan Lagu Rasmi UBD oleh Kelab Koir UBD, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Hadi Hamizan bin Syahrul Nizam, iaitu mantan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Kerohanian dan Keagamaan, Majlis Perwakilan Pelajar UBD (MPP) 2024/2025.

Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Awang Muhammad Zulkhairi Jifli bin Jainuddin, juga mantan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UBD



(2024/2025).

Para hadirin kemudiannya menyaksikan pusingan akhir Pertandingan Kuiz Piala Canselor antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB), yang menyerlahkan pengetahuan, kerjasama berpasukan dan semangat para peserta, dengan kuiz pusingan akhir tersebut dijuarai oleh peserta dari UNISSA.

Kemuncak acara ialah pengumuman dan penyampaian Piala Canselor 2024 kepada juara keseluruhan kejohanan, iaitu UTB.

Setelah beberapa bulan pertandingan yang menguji keupayaan fizikal dan mental para pelajar, kedudukan akhir Piala Canselor 2024 adalah seperti berikut, iaitu tempat pertama disandang oleh UTB, sementara menduduki tempat kedua ialah UBD, manakala berada di tempat ketiga dan di tempat keempat masing-masing milik UNISSA dan Kolej Universiti

Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis penutup turut menyaksikan penyerahan simbolik bendera Piala Canselor dari UBD kepada UNISSA.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle telah menyerahkan bendera Piala Canselor kepada Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad, sebagai tanda kesinambungan tradisi berprestij tersebut.

Persembahan penutup yang penuh bertenaga menambah keceriaan pada penghujung majlis, menghimpunkan para pelajar dalam semangat kesukanan, persahabatan, kecemerlangan, dan kepimpinan.

YANG Berhormat semasa menyaksikan pusingan akhir pertandingan berkenaan.



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Piala Canselor 2024 sekali lagi mengukuhkan peranannya sebagai platform penting untuk penglibatan pelajar, persaingan sihat, dan pengukuhan hubungan antara institusi di seluruh NBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara akan datang atau sumber pelajar, sila layari laman sesawang rasmi UBD atau ikuti kami di Instagram di @ubdbuzz dan @studentaffairsud.



Meningkatkan kesedaran kepentingan keselamatan jalan raya

SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa sesi bergambar ramai bersama johan bagi Kategori Sekolah Rendah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kementerian Pendidikan hari ini telah mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Bicara Berirama Keselamatan Jalan Raya bagi Peringkat Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Senegara Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Bagi Kategori Sekolah Rendah, johan disandang oleh Sekolah Freda Radin, sementara naib johan diraih oleh Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong; manakala tempat ketiga milik Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD).

Sementara Skrip Terbaik diberikan kepada SARIPAD,



manakala Konduktor Terbaik milik Dayang Siti Amal Auni Syuhada binti Bahrin, juga dari SARIPAD.

Bagi Kategori Sekolah Menengah pula, johan disandang oleh Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), sementara naib johan diraih oleh Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (SM YSHHB) manakala tempat ketiga milik Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah

Bolkiah (SASHHB).

Manakala Skrip Terbaik diberikan kepada SUAMPRIPAHS, sementara Konduktor Terbaik milik Dayang Nur Rabiatal Adawiyah binti Kamarulrifin, juga dari SUAMPRIPAHS.

Sebanyak lima buah sekolah daripada sekolah rendah dan lima buah daripada sekolah menengah kerajaan dan swasta senegara berjaya mara ke peringkat akhir pertandingan.

Antara objektif pertandingan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

tersebut diadakan adalah untuk menerapkan pengetahuan serta menanam kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan keselamatan jalan raya.

Melalui pertandingan tersebut, ia juga diharapkan dapat menggalakkan dan meningkatkan penguasaan serta penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar serta dapat

membina keyakinan pelajar untuk berucap dan mengekspresikan pemikiran di khalayak orang ramai.

Pertandingan tersebut dianjurkan bersama oleh Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

BAHASA KUKUH CERMINKAN BANGSA BERILMU, BERTAMADUN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

>> Muka 1

Dalam hal ini, menurut Yang Berhormat, tanggungjawab bukan hanya terletak di bahu institusi bahasa, tetapi juga memerlukan dukungan seluruh masyarakat sama ada dalam sektor pendidikan, Perkhidmatan Awam, sektor swasta, media, NGO, mahupun dalam keluarga dan komuniti.

"Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas bahasa dan kebudayaan negara, saya menaruh harapan besar agar

setiap kementerian dan agensi kerajaan terus memainkan peranan aktif dalam mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, dokumentasi, pelaporan, komunikasi digital serta interaksi dengan rakyat.

"Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan terus didukung sebagai institusi utama dalam merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar kebahasaan serta menyemarakkan kegiatan kebahasaan, kesusasteraan, penerbitan dan budaya membaca.

DBP di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah sekian lama menjadi benteng hadapan dalam usaha memperkasa bahasa Melayu. Usaha berterusan ini amat penting bagi menjamin bahawa bahasa Melayu kekal sebagai tunjang pembangunan intelektual dan sosial masyarakat kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Sambutan Bulan Bahasa ini juga tambahannya adalah medan peringatan dan penghargaan iaitu peringatan agar kita tidak leka dalam tanggungjawab melestarikan bahasa dan penghargaan kepada mereka yang telah, sedang dan akan terus

berjuang dalam medan bahasa Melayu.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan kepercayaan bahawa kolaborasi strategik antara kerajaan, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat, syarikat swasta dan para intelektual akan menjadi kekuatan utama dalam memastikan bahasa Melayu terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Yang Berhormat dalam pada itu menyeru, untuk menjadikan Bulan Bahasa bukan sekadar sambutan simbolik tetapi sebagai gerakan kesedaran nasional bahawa bahasa Melayu adalah milik kita semua.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.

Sambutan Bulan Bahasa 2025 dilancarkan

BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, bahkan merupakan kepemilikan bangsa Melayu, iaitu satu warisan yang telah membina tamadun, merakam sejarah dan membentuk fikrah masyarakat serantau sejak ratusan tahun dahulu.

Malah, sebagai bahasa rasmi negara yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, bahasa Melayu menjadi sebahagian daripada identiti nasional yang perlu dipertahankan, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan ledakan teknologi masa kini.

Bahasa Melayu harus diangkat bukan sahaja sebagai bahasa dalam upacara rasmi, tetapi juga sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi digital, bahasa

profesional dan bahasa industri kreatif.

Bahasa ini harus diberi wajah baharu, suara baharu dan platform baharu agar kekal dinamik dan relevan. Umpamanya, kita ingin melihat anak-anak muda menulis puisi dan mencipta pantun di media sosial seperti TikTok serta berucap dalam bahasa Melayu tinggi di pentas antarabangsa.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang berlangsung di Balai Sarmayuda DBP, Berakas, hari ini.

Menurut Awang Suip, Sambutan Bulan Bahasa yang diadakan setiap tahun ini bukanlah hanya sekadar kegiatan tahunan tetapi merupakan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2025.

manifestasi cinta, iltizam dan tanggungjawab kita bersama dalam memartabatkan bahasa Melayu.

Masih mengekalkan tema 'Memperkasakan Bahasa Melayu' pada tahun ini terangnya, tema ini diangkat dengan membawa makna perjuangan yang berterusan, iaitu perjuangan agar bahasa Melayu tidak hanya difahami tetapi dikuasai, disebarluaskan dan disegarkan perannya dalam semua lapangan kehidupan.

"Bahasa itu bangsa. Oleh itu, memperkasa bahasa Melayu bermakna memperkasa bangsa itu sendiri. Jika bahasa itu longgar, longgarlah jati diri tetapi jika bahasa itu teguh, maka teguhlah nilai dan pemikiran bangsa.

"Semangat memperkasakan bahasa Melayu terus digiatkan dalam Sambutan Bulan Bahasa pada tahun ini melalui pelaksanaan pelbagai program sepanjang tahun bagi menyemarakkan minat masyarakat terhadap bahasa Melayu," tambahannya lagi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Ikrar Bahasa oleh 11 pegawai di bawah Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Program Perantisan i-Ready dan penuntut-penuntut yang menjalani penempatan kerja di jabatan-jabatan kerajaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan ucapan serta melancarkan Sambutan Bulan Bahasa 2025 serta kegiatan-kegiatan di bawahnya serta lapan buah buku terbaharu terbitan DBP, iaitu Kirana Kasih Rakyat, Kamus Dialek Belait, Daftar Bahasa Melayu-Dialek Belait, Buku Mini Panduan Bahasa Melayu Dialek 7 Puak, Jong Batu, Pesanan,

Asas Memternak Ayam Kampung dan Pemanah Bulan.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan Bual Bicara 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang disampaikan oleh tiga panel pembicara iaitu Pegawai Bahasa DBP, Dr. Hurul 'Ain Nukhbah binti Rabaha; Pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Muhammad Najib bin Noorashid dan Pensyarah UBD, Dr. Sarah Hanna binti Haji Ahmad Ghazali. Bual Bicara ini dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa DBP, Dayang Masni binti Mokhtal.

Majlis penyampaian sijil, hadiah dan cenderamata disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada panel Bual Bicara, Pelajar Cemerlang Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE Peringkat 'O' dan 'A', Tahun 2024; pemenang

Peraduan Menterjemah Artikel Riak Bahasa Terbitan DBP; Peraduan Mencipta Pantun Meminang : Bertulis Spontan; Peraduan Penulisan Resensi Buku Puisi; panel-panel hakim peraduan, rakan strategik dan peserta ikrar.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2025, ketua-ketua jabatan di bawah KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The SEA Write Award), mantan pengarah DBP, Duta-duta Bahasa, ketua-ketua persatuan, rakan-rakan strategik, pegawai-pegawai kanan, para penulis serta pencinta bahasa dan sastera.

WARGA RTB BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Radio Televisyen Brunei (RTB) petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena Jubli Emas Perkhidmatan TV Brunei di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari JPM dan RTB.

HALUAN

>> Muka 2

Saya yakin bahawa Sidang Kemuncak ini akan menghasilkan perbincangan yang membuahkan hasil, menjalin kerjasama baharu dan memberi inspirasi kepada Penyelidikan yang akan memberi sumbangan besar kepada realisasi Pelan Strategik SEAMEO 2021 - 2030 dan akhirnya, kepada kualiti hidup yang lebih baik untuk semua di rantau ini.

Kepada rakan-rakan yang dihargai - CFBT, Giz-recotwin, dan lain-lain - terima kasih atas sokongan dan kerjasama awda. Perkongsian awda menekankan kepentingan kerjasama merentas sektor dalam mencapai matlamat pembangunan mampan.

Akhir sekali, saya menggesa semua peserta untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang disediakan di Sidang Kemuncak ini - melalui sesi formal dan pertukaran tidak formal. Ambillah masa untuk membina hubungan baharu, mencabar andaian, dan membayangkan laluan baharu ke hadapan. Biarlah Sidang Kemuncak ini dikenang bukan sahaja kerana pengetahuan yang dikongsi bersama, tetapi bagi perkongsian yang dijalin, idea-idea yang diilhamkan dan dasar-dasar yang akan membantu membentuk dalam bulan dan tahun-tahun akan datang.

Dalam perkembangan itu, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini mengisytiharkan Sidang Kemuncak Jaringan Dasar dan Penyelidikan Pusat-pusat SEAMEO (CPRN) 2025 dengan rasminya.

Terima kasih.
Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KESELARASAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DENGAN MARTABAT, KESEJAHTERAAN INSAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

>> Muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah SHENA semasa menyampaikan ucapan bagi mewakili Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas SHENA.

"Kecerdasan Buatan (AI) kini digunakan untuk meramal risiko, memantau secara masa nyata dan mempercepatkan pengesanan bahaya, daripada peranti pintar, dron, kepada sistem automasi.

"Contohnya : Abah-abah pintar yang memberi amaran awal sekiranya berlaku gelinciran; pemantauan keletihan dan tekanan kerja melalui alat boleh pakai; dan dron berkuasa AI yang meninjau kawasan berisiko tinggi tanpa memerlukan kehadiran fizikal pekerja," ujarnya pada Majlis Pelancaran Rasmi Persidangan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSHCON) 2025

berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini.

Menurutnya, inovasi seperti ini menjadikan tempat kerja bukan hanya lebih selamat tetapi lebih pintar dan responsif.

Namun jelasnya, kita mesti bersikap realistik dan berwaspada, jika AI tidak dikawal dengan baik, ia boleh membawa risiko baharu, baik dari segi fizikal mahupun dari segi psikologi.

Beliau menjelaskan lagi, pemantauan berlebihan juga boleh mewujudkan tekanan kepada pekerja dan kebimbangan tentang kehilangan pekerjaan akibat automasi bukanlah sekadar persepsi.

Kongsi beliau, didapati, di peringkat global, sebanyak 36 peratus pekerja menjangkakan ini akan berlaku manakala 57 peratus menjangkakan AI akan mengubah cara bekerja dan risiko ini adalah lebih nyata dalam kalangan ekonomi yang pesat membangun, termasuk negara-negara Thailand, Malaysia, Indonesia dan India.

Oleh itu, jelasnya lagi, penerimaan teknologi ini perlu dipandu oleh prinsip ketelusan, etika, pengawasan manusia dan perlindungan privasi. AI tidak dapat

menggantikan kepimpinan moral, empati dan pertimbangan manusia.

"Teknologi boleh membina sistem. Tetapi manusialah yang membina budaya. Budaya keselamatan yang mampan tidak akan wujud tanpa komitmen yang lahir daripada hati, berpandukan nilai dan diperkukuh oleh pelaksanaan," ujarnya.

Beliau menambah, persidangan selama tiga hari ini adalah satu wadah yang amat penting dan ia bukan sahaja menjadi ruang untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan amalan terbaik, malah turut membolehkan pembentukan jaringan kerjasama strategik antara pihak kerajaan, sektor industri, ahli akademik dan tenaga kerja.

Apa jua teknologi yang diperkenalkan tambahnya lagi, kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada manusia yang menerajui serta budaya kerja yang ditanamkan.

Menurutnya, budaya keselamatan yang berdaya tahan memerlukan keterlibatan seluruh negara, termasuk pihak penggubal dasar, majikan, pekerja, pendidik dan masyarakat.

Beliau menambah, berteraskan nilai-nilai Maqasid Syariah, terutamanya dalam menjaga dan memelihara nyawa, kita berhasrat untuk mewujudkan tempat kerja

yang selamat, sihat, inklusif dan berperikemanusiaan, seiring dengan visi negara ke arah masa depan yang lebih mampan.

Terdahulu, beliau menjelaskan, bertemakan 'Merevolusikan Kesihatan dan Keselamatan : Peranan AI dan Pendigitalan di Tempat Kerja', persidangan ini selari dengan gelombang Revolusi Perindustrian Ke-4 yang sedang merubah landskap pekerjaan serata dunia.

"Pendekatan konvensional sahaja tidak lagi mencukupi. Kita perlu menilai semula strategi, menyesuaikan dasar, dan memperkukuh tadbir urus agar kemajuan teknologi dapat diselaraskan dengan martabat dan kesejahteraan insan," ujarnya.



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan ucapan (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



Kongsi kerjasama wujudkan tempat kerja lebih selamat, pintar



BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Sempena memperingati Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah mengadakan Persidangan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSHCON) 2025 selama tiga hari berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini.

Dengan tema 'Merevolusikan Kesihatan dan Keselamatan: Peranan AI dan Pendigitalan di Tempat Kerja', ia menekankan bagaimana automasi, analitik data, sistem pintar dan pengurusan tenaga kerja berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) boleh mengubah amalan di tempat kerja.

Walaupun AI menawarkan potensi besar untuk meningkatkan

keselamatan melalui pemantauan bahaya secara masa nyata, analisis risiko secara ramalan dan latihan keselamatan yang disesuaikan, ia juga menimbulkan cabaran baharu termasuk privasi data, etika penggunaan teknologi dan kesiapsiagaan tenaga kerja.

Seiring dengan kemajuan agenda transformasi digital negara, WSHCON 2025 menjadi platform penting bagi pengawal selia, peneraju industri dan penyedia teknologi untuk berkongsi pengetahuan dan bekerjasama dalam mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat dan pintar.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan persidangan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib merangkap

Ahli Lembaga Pengarah SHENA bagi mewakili Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas SHENA.

Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Persidangan tersebut dalam ucapannya menjelaskan, persidangan ini adalah sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memastikan negara kita terus melangkah maju sebagai sebuah negara yang berdaya tahan dan makmur.

"Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja merupakan salah satu paksi utama dalam memacu

SESI bergambar ramai pada Persidangan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSHCON) 2025 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

pembangunan negara yang mampan. Ke arah itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita memperkukuhkan budaya kerja yang selamat, sihat dan beretika," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, persidangan ini merupakan antara landasan utama dalam merealisasikan visi dan misi SHENA dengan menghimpunkan para pakar dan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor untuk sama-sama menentengahkan isu-isu berkaitan.

Selain daripada pengisian ilmiah tambahnya, WSHCON 2025 juga membuka ruang bagi menjalinkan rangkaian kerjasama yang berkesan dan melalui usaha bersama ini, SHENA percaya piawaian keselamatan tempat kerja dapat dipertingkatkan secara menyeluruh dan mampan.

WSHCON 2025 menampilkan sebanyak lapan sesi panel yang membincangkan teknologi Industri 4.0, pematuhan kontraktor, keselamatan berasaskan tingkah laku, kebersihan pekerjaan, strategi keselamatan inklusif dan pengurusan risiko.

Lebih 20 ahli panel profesional daripada pelbagai sektor juga telah terlibat dalam persidangan ini dengan 30 tapak pameran oleh agensi kerajaan dan pihak industri swasta.

WSHCON 2025 turut menampilkan

daripada pakar-pakar serantau dari institusi-institusi termasuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Malaysia; Institute of Ergonomics and Hygiene (IEH), Singapura; AcuiZen Technologies, Singapore; Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Malaysia; dan Scorpion Tact Services Sdn. Bhd., Malaysia.

Para peserta membincangkan pelbagai topik sepanjang program persidangan, termasuk impak AI terhadap peranan pekerjaan dan amalan keselamatan yang mampan melalui pendigitalan, pelaporan penyakit pekerjaan, kemas kini prestasi keselamatan kebangsaan, kawalan radiasi dan langkah penguatkuasaan.

Persidangan kemudiannya diteruskan dengan penyampaian Ucaptama Khas oleh Profesor Ts. Dr. Abdul Mutalib Leman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM serta Ahli Lembaga Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Malaysia, yang bertajuk 'The Role of AI and Digitalisation in Occupational Safety and Health', yang menggariskan perspektif utama yang merangka perbincangan sepanjang persidangan tiga hari tersebut.

Turut hadir pada Majlis Pelancaran WSHCON 2025 termasuk Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, Lembaga Pengarah SHENA, pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat swasta, wakil-wakil misi diplomatik serta para profesional dari Sektor Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (HSE) daripada seluruh industri.

UBD - BAIDURI CAPITAL MEMETERAI MOU DALAM MENINGKATKAN PENDIDIKAN KEWANGAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Isnin, 7 Julai. - Baiduri Capital hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD), menandakan permulaan satu kerjasama strategik yang bertujuan untuk memajukan literasi pelaburan, kesedaran pasaran modal, pendidikan kewangan dan kerjasama penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

Di bawah perjanjian tersebut, kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk menyampaikan pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan pelajar dan penglibatan akademik dalam kewangan dan pelaburan. Ini termasuk penganjuran bersama ceramah, pertandingan perdagangan saham dan program jangkaan yang disesuaikan untuk komuniti UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselornya, Dr. Hazri bin Haji Kifle, manakala Baiduri pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri dan

Pengerusi Baiduri Capital, Ti Eng Hui.

Penandatanganan tersebut turut disaksikan oleh Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri; dan Pengurus Besar Baiduri Capital, Brian Wong.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri dalam ucapannya, menekankan kepentingan kerjasama dalam menyokong aspirasi negara yang digariskan dalam Rangka Kerja Kecekapan Kewangan Brunei Darussalam dan Wawasan Brunei 2035.

Beliau turut menyatakan bahawa MoU tersebut sejajar dengan objektif akademik dan institusi UBD yang lebih luas, khususnya usahanya untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran praktikal dan bersedia untuk masa hadapan merentas disiplin.

Walaupun perkongsian tersebut secara langsung akan meningkatkan pendidikan kewangan dan pelaburan di UBD School of Business and Economics (UBDSBE), yang juga memegang akreditasi AACSB yang berprestij dan menawarkan program Perakaunan dan Kewangan yang

diiktiraf ACCA, ia turut menyediakan peluang untuk penglibatan bermakna di seluruh fakulti dan institut penyelidikan UBD yang lain.

Pelajar, penyelidik dan kakitangan akan mendapat manfaat daripada akses antara disiplin kepada alat kewangan dunia sebenar, pembelajaran berasaskan data dan kerjasama penyelidikan.

Perkongsian tersebut juga melengkapkan pelancaran tawaran pascasiswazah baharu UBDSBE, iaitu Sarjana Sains dalam Kewangan Islam dan Analitis Data serta Doktor Pentadbiran Perniagaan (Doctor of Business Administration-DBA). Program tersebut direka untuk melengkapkan graduan dengan asas yang kukuh dalam kedua-dua kewangan beretika dan kemahiran membuat keputusan berasaskan data kemahiran yang semakin diminati merentasi landskap kewangan yang berkembang hari ini.

Sorotan utama kerjasama tersebut ialah penyepaduan Baiduri Invest, platform dagangan dalam talian baharu Baiduri Capital, ke dalam kurikulum universiti. Dilancarkan tahun lepas, Baiduri Invest menyepadukan alat analisis lanjutan, data pasaran terkini dan sokongan tempatan yang diperibadikan, direka untuk memenuhi keperluan pelabur berpengalaman dan pelabur kali pertama.

Dilaksanakan dalam UBDSBE, pelajar sarjana dan pascasiswazah akan mendapat akses kepada platform sebagai sebahagian daripada modul mereka, dan mereka akan belajar cara membaca carta harga, menganalisis arah aliran dan melaksanakan dagangan pada akaun demo.

Baiduri Invest juga menawarkan ciri mesra pelabur seperti pelaburan Pelan Langganan Berkala (RSP) untuk menyokong purata kos dolar, analisis portfolio dan akses kepada alat penyelidikan yang membantu pengguna membuat keputusan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah kiri, menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselornya, manakala Baiduri pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri dan Pengerusi Baiduri Capital, Ti Eng Hui.

pelaburan yang lebih bermaklumat. Fungsi tersebut direka bentuk untuk memperkasa pelabur muda untuk membangunkan tabiat pelaburan jangka panjang yang sihat dari awal.

"UBD telah lama diiktiraf sebagai sebuah institusi terkemuka di NBD dan rantau ini. Ia secara konsisten berada di kedudukan antara universiti terkemuka Asia dan terkenal dengan penekanan yang kuat terhadap inovasi, penyelidikan antara disiplin dan pembelajaran dunia sebenar.

"Pendekatan pemikiran ke hadapan dan komitmennya untuk memupuk graduan yang sedia masa depan menjadikan UBD rakan kongsi semula jadi bagi kami," kata Ti Eng Hui dalam ucapan alu-aluannya.

Bercakap mengenai kerjasama tersebut, Brian Wong menjelaskan perkongsian tersebut membolehkan mereka mencipta pengalaman pembelajaran bermakna yang menyediakan pelajar untuk realiti pelaburan dalam pasaran modal.

Menurutnya, ia mencerminkan komitmen berterusan untuk menyokong pembangunan pelaburan dan celik kewangan,

individu yang bersedia untuk masa hadapan.

Selain sokongan akademik, MoU tersebut juga bertujuan untuk membuka jalan kepada penyelidikan bersama mengenai pelaburan dan topik berkaitan pasaran yang mempengaruhi kedua-dua sentimen pasaran tempatan dan global.

Sebagai sebahagian daripada misi kumpulan yang lebih luas untuk memperkaya, memperkasa dan melibatkan komuniti melalui pendidikan dan inovasi, kerjasama tersebut sejajar dengan tanggungjawab Baiduri Capital di bawah Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Capital Market Association-BCMA) dan sokongan berterusan Bank Baiduri terhadap objektif Majlis Kebangsaan Celik Kewangan.

Perkongsian tersebut juga akan membantu mempromosi kesedaran tentang rangkaian tawaran Baiduri Capital yang lebih luas, termasuk kandungan kesejahteraan kewangan dan alatan digitalnya yang direka untuk menyokong membuat keputusan kewangan yang lebih baik.



منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولان قوسة دعوه اسلاميه

KEDATANGAN Tahun Baharu 1447 Hijrah mengingatkan kita kepada peristiwa penting dan bersejarah dalam takwim Islam. Hijrah bukan saja kerana bermulanya perkiraan takwim Hijrah, malah merujuk kepada penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah pada Tahun 622 Masihi.

Penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda dari kota suci Mekah Al-Mukarramah ke kota suci Madinah Al-Munawwarah adalah untuk mengembangkan syiar Islam, mempertahankan kedaulatan dan kesuciannya. Hijrah Rasulullah bukanlah untuk menyelamatkan diri semata-mata, tetapi kerana mentaati perintah Allah dan sebagai meneruskan perjuangan dakwah, kerja keras dan berkorban demi kebaikan ummah.

Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat ini adalah suatu peristiwa yang banyak memberi iktibar dan pengajaran kepada sekalian umat Islam supaya sentiasa melakukan hijrah atau perubahan.

Dalam kata lain hijrah bermaksud

Hijrah ke arah kebaikan

berpindah dari satu tempat ke satu tempat atau berubah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Dari sudut istilah pula, hijrah adalah meninggalkan sesuatu yang dilarang atau melakukan perubahan dari yang buruk kepada baik, yang kurang elok kepada yang lebih elok atau yang baik kepada yang lebih baik.

Walaupun hijrah seumpama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak berlaku lagi di zaman ini tetapi konsep penghijrahan tetap berterusan dalam kalangan umat Islam sesuai dengan hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab sunannya dari Muawiyah Radiallahuanhu ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Hijrah itu tidak akan terhenti sehinggalah tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat itu tidak akan tertutup sehinggalah matahari terbit dari tempat terbenamnya".

Daripada hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa hijrah itu akan terus berlaku dalam kehidupan umat manusia. Maksudnya hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal tetapi konsep hijrah meliputi hijrah hati dan perlakuan dengan berusaha melaksanakan kebaikan dan meninggalkan keburukan serta kemungkaran sesuai dengan sebuah hadis Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya

meriwayatkan daripada Abdullah bin Amru, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Orang yang berhijrah itu ialah mereka yang meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah ke atasnya".

Daripada hadis tersebut menjelaskan betapa umat Islam perlu melakukan hijrah iaitu berubah daripada perlakuan negatif kepada positif. Ertinya manusia perlu berusaha berhijrah meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan dan membawa kepada kegagalan hidup, lebih-lebih lagi perbuatan yang dilarang Allah. Umat manusia perlu berusaha berubah (berhijrah) dengan memperbaiki dan memajukan diri untuk menjadi umat Islam yang beriman dan bertakwa dan seterusnya menjadi hamba yang dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hijrah adalah suatu perintah yang perlu dilakukan oleh umat manusia, selagi apa yang disuruh itu tidak melanggar batas syariat Islam. Hijrah membolehkan seseorang melakukan lebih banyak kebaikan untuk diri sendiri, keluarga, agama dan bangsa. Sesungguhnya Allah melipatgandakan kejayaan dan keberkatan kepada mereka yang sanggup bersusah payah melakukan usaha perubahan (hijrah). Semakin sukar laluan yang perlu ditempuh,

lebih tinggi darjatnya di sisi Allah, sebagaimana firman-Nya dalam Surah At-Taubah, ayat 20 yang mafhumnya :

"Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta-benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minuman kepada jemaah haji dan orang-orang yang mengimarahkan masjid sahaja). Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya".

Jelas, sesiapa yang berusaha mencapai sesuatu lebih baik dalam kehidupannya sudah melakukan sebahagian daripada maksud hijrah dan mendapat pahala hijrah jika ia diniatkan untuk memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk itu, berhijrah dan berubah kepada lebih baik perlu menjadi matlamat dalam kehidupan masyarakat Islam setiap masa. Sesiapa yang hidupnya hari ini tidak berubah menjadi lebih baik daripada semalam, bermakna dia sudah mensia-siakan peluang hidupnya semalam. Peluang itu tidak akan datang lagi, kerana sudah berlalu menjadi sejarah.

Oleh itu kita perlu melakukan hijrah dengan mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Darah Berhenti Dalam Tempoh Haidh

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

HAIDH ialah darah semula jadi yang keluar dari pangkal rahim seorang perempuan setelah baligh dalam keadaan sihat tanpa sebab dan ia keluar pada waktu-waktu tertentu. Ia merupakan suatu ketentuan yang telah ditetapkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesungguhnya ini (darah haidh) adalah perkara yang ditetapkan Allah ke atas anak-anak perempuan Adam.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Apabila seorang perempuan mengalami haidh, diharamkan baginya mengerjakan sembahyang, bertawaf, memegang al-Qur'an, membaca al-Qur'an dengan melafazkannya, berada dalam masjid, melintas dalam masjid jika takut mengotorinya, berpuasa serta diharamkan bagi suaminya menjatuhkan talak, melakukan jimak dan *istimta'* (berseronok) pada anggota antara pusat hingga lutut perempuan walaupun tanpa svahwat.

Pada kebiasaannya, perempuan mengalami haidh dalam beberapa hari tertentu setiap bulan secara teratur. Walau bagaimanapun ada juga yang mengalaminya secara tidak teratur. Setiap perempuan akan mengalami keadaan keluar darah haidh yang berbeza-beza. Darah perempuan haidh itu ada kalanya keluar secara berterusan dan ada kalanya keluar secara terputus-putus; iaitu ada waktunya darah keluar dan ada waktunya darah berhenti kemudian keluar lagi.

Oleh karena sesetengah perempuan mengalami keadaan darah yang keluar secara terputus-putus ketika dalam tempoh haidh, maka timbul persoalan tentang tempoh ketika darah berhenti, adakah ia dikira sebagai masih tempoh haidh atau sudah dikira suci daripada haidh? Sekiranya dia melakukan ibadah seperti mengerjakan sembahyang dan berpuasa pada waktu darah berhenti itu, adakah sembahyang dan puasanya itu sah? Memandangkan isu-isu ini sangat penting untuk diketahui hukum-hukum mengenainya terutama bagi wanita, maka penerangan berkaitan isu-isu ini diharap dapat membantu mencerahkan apa jua kekeliruan dan ketidakpastian.

Had Umur Haidh Serta Tempoh Haidh

Mengetahui had umur haidh serta tempoh haidh dan suci seorang perempuan merupakan perkara utama dalam menentukan tempoh dan jangka masa haidh yang dialami oleh seorang perempuan.

Had umur haidh dibahagi kepada dua iaitu had minima umur seorang perempuan didatangi haidh dan had umur seorang perempuan putus haidh.

Had minima umur seorang perempuan yang didatangi haidh ialah ketika berumur lebih kurang (*taqrib*) sembilan tahun *qamariah*. Oleh yang demikian, pengiraan had minima umur haidh hendaklah dilakukan dengan mengikut kalendar Hijrah.

Disebut lebih kurang sembilan tahun *qamariah* kerana ia membawa maksud bahawa sekiranya seorang perempuan melihat darah keluar pada suatu waktu yang kurang 16 hari 16 malam dari sebelum genap umurnya mencapai 9 tahun *qamariah*, maka darah yang keluar itu dianggap darah haidh.

Sebagai contoh, seorang perempuan yang akan mencapai umur 9 tahun *qamariah* pada 23 Zulhijjah 1446H telah mendapati darah keluar dari faraj sepuluh hari sebelum umurnya mencapai 9 tahun *qamariah* iaitu pada 13 Zulhijjah 1446H. Oleh kerana darah keluar dalam tempoh kurang 16 hari 16 malam dari umur minima haidh, maka darah yang keluar itu dianggap sebagai darah haidh jika mencukupi syarat-syarat haidh. Untuk jelasnya, dibawahkan rajah berikut.

Rajah (1)																													
Tempoh mencapai kiraan 16 hari												Tempoh kiraan kurang dari 16 hari 16 malam														Umur 9 tahun			
													Darah keluar (Darah haidh)																
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30

Dalam rajah di atas, 13 Zulhijjah 1446H adalah dalam lingkungan kiraan kurang 16 hari 16 malam dari tarikh 23 Zulhijjah 1446H (umurnya 9 tahun).

Adapun penetapan tempoh kurang 16 hari 16 malam dalam menentukan darah yang keluar sebelum umur 9 tahun adalah haidh atau tidak adalah berdasarkan asas bahawa 15 hari 15 malam adalah sekurang-kurangnya

tempoh suci dan 1 hari 1 malam adalah sekurang-kurangnya tempoh haidh.

Sekiranya seorang perempuan melihat darah keluar pada suatu waktu yang mencapai kiraan 16 hari sebelum umurnya mencapai sembilan tahun, maka darah yang keluar itu dianggap sebagai darah fasad. Sebagai contoh, dia mendapati darah keluar pada 1 Zulhijjah 1446H dan berhenti pada 7 Zulhijjah 1446H. Tempoh keluar darah tersebut mencapai kiraan 16 hari sebelum umurnya mencapai sembilan tahun (23 Zulhijjah 1446H). Maka darah yang keluar itu dianggap darah fasad atau istihadhah, bukan sebagai darah haidh kerana ia keluar sebelum had minima umur haidh. Untuk jelasnya, dibawakan rajah berikut.

Rajah (2)

Tempoh mencapai kiraan 16 hari	Tempoh kiraan kurang dari 16 hari 16 malam																						Umur 9 tahun
Darah Keluar (Darah Fasad)																							
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	

Dalam rajah di atas, 1 Zulhijjah 1446H mencapai kiraan 16 hari 16 malam dari tarikh 23 Zulhijjah 1446H (umurnya 9 tahun).

Walau bagaimanapun sekiranya dia mendapati darah keluar sebahagiannya pada waktu sebelum *imkan* (tempoh kurang dari 16 hari 16 malam) dan sebahagian lagi keluar pada waktu *imkan*, maka menurut pendapat Imam al-Asnawi *Rahimahullah*, darah yang keluar pada waktu *imkan* adalah haidh. Sebagai contoh, dia mendapati darah keluar pada 3 Zulhijjah 1446H dan berhenti pada 12 Zulhijjah 1446H. Tempoh keluar darah tersebut sebahagiannya mencapai kiraan kurang 16 hari sebelum umurnya mencapai sembilan tahun (23 Zulhijjah 1446H). Maka darah yang keluar pada 8 hingga 12 Zulhijjah 1446H dianggap darah haidh. Untuk jelasnya, dibawakan rajah berikut. Manakala had umur perempuan putus haidh pula, para ulama tidak ada menetapkan had umur tertentu.

Rajah (3)

Tempoh mencapai kiraan 16 hari		Tempoh kiraan kurang dari 16 hari 16 malam																						Umur 9 tahun
Darah Keluar		Darah Haidh																						
(Darah Fasad)																								
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23		

Mengenai tempoh keluar darah haidh pula, had minimanya ialah sehari semalam secara bersambung iaitu kiraan 24 jam. Tempoh haidh bukan sahaja diukur berdasarkan hitungan hari tetapi juga hitungan jam yang sudah mencukupi kiraan 24 jam. Tempoh keluar darah haidh paling banyak ialah selama 15 hari 15 malam. Tempoh keluar darah haidh pada kebiasaannya yang dialami oleh perempuan ialah selama 6 atau 7 hari.

Manakala tempoh suci paling sedikit antara dua kitaran haidh pula ialah selama 15 hari 15 malam. Manakala bagi tempoh suci paling lama tiada had yang ditentukan. Adapun kebiasaan tempoh suci pula ialah 23 atau 24 hari kerana tempoh kebiasaan haidh yang keluar ialah selama 6 atau 7 hari sebagaimana penjelasan di atas.

Darah Keluar Secara Terputus-Putus Dalam Tempoh Haidh

Terdapat dua keadaan darah yang keluar secara terputus-putus dalam tempoh haidh yang keseluruhannya tidak melebihi 15 hari 15 malam.

Keadaan pertama : *Al-fatrah* iaitu keadaan darah berhenti keluar akan tetapi jika dimasukkan kapas ke dalam faraj kemudian dikeluarkan, masih terdapat kekotoran berupa kesan darah pada kapas tersebut. Menurut pendapat *al-azhhar*, *al-fatrah* yang berlaku dalam tempoh haidh, dianggap haidh.

Sebagai contoh : Seorang perempuan mengalami haidh yang keluar terputus-putus. Pada 3 Muharram darah keluar dan berterusan sehingga 7 Muharram. Kemudian pada 8 Muharram darahnya berhenti sehingga 10 Muharram. Pada 11 Muharram darahnya keluar lagi namun berhenti pada 12 hingga 14 Muharram. Pada 15 dan 16 Muharram, dia melihat darah keluar lagi. Kemudian pada 17 Muharram darahnya berhenti sehingga 15 hari iaitu tempoh sekurang-kurangnya waktu suci. Untuk jelasnya, dibawahlah rajah berikut.

[illegible]

Keadaan kedua : *An-naga'* iaitu keadaan darah berhenti dan jika dimasukkan kapas ke dalam faraj kemudian dikeluarkan, tidak ada kesan darah dan kapas itu kekal bersih.

Sekiranya berlaku *an-naqa'* yang menyelangi antara darah haidh dalam tempoh haidh, terdapat dua pendapat dalam mazhab asy-Syafi'i mengenai kedudukan *an-naqa'* tersebut.



IRSYAD HUKUM



 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Pertama : Pendapat *al-laqth* atau *at-talfiq* iaitu pendapat yang mengatakan bahawa waktu darah keluar dikira sebagai tempoh haidh dan waktu darah berhenti dikira sebagai tempoh suci.

Berdasarkan pendapat ini, ibadah yang dilakukan pada waktu *an-naqa'* seperti sembahyang, puasa dan tawaf adalah sah.

Kedua : Pendapat *as-sahb* iaitu pendapat mu'tamad dalam mazhab asy-Syafi'i yang mengatakan bahawa waktu darah berhenti dalam tempoh haidh juga dikira sebagai tempoh haidh dengan syarat :

1. Tempoh haidh tidak melebihi 15 hari 15 malam.
2. Jumlah waktu darah keluar itu keseluruhannya tidak kurang dari tempoh sekurang-kurangnya haidh iaitu 24 jam.

3. Hendaklah *an-naqa'* menyelangi antara darah-darah haidh yang keluar.

Sebagai contoh, seorang perempuan mengalami haidh yang darahnya keluar terputus-putus. Pada 2 Muharram, darah keluar selama 6 jam kemudian berhenti. Pada 5 Muharram, darahnya keluar semula selama 8 jam kemudian berhenti lagi. Darahnya keluar semula selama 7 jam pada 9 Muharram kemudian berhenti lagi. Pada 12 Muharram darahnya keluar semula selama 8 jam kemudian berhenti lagi. Pada 15 Muharram, darahnya keluar lagi seketika selama 3 jam dan selepas itu berhenti dan tidak keluar lagi sehingga 15 hari iaitu tempoh sekurang-kurangnya waktu suci. Maka darah yang keluar dalam tempoh tersebut dikira sebagai darah haidh kerana mencapai jumlah waktu sehari semalam iaitu 24 jam. Untuk jelasnya, dibawakan rajah berikut.

Rajah (5)

Tarikh	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Darah Keluar/ Berhenti	Keluar 6 jam	Berhenti (<i>naga</i>)	Keluar 8 jam	Berhenti (<i>naga</i>)	Keluar 7 jam	Berhenti (<i>naga</i>)	Keluar 8 jam	Berhenti (<i>naga</i>)	Keluar 3 jam	Berhenti (<i>naga</i>)						
	$6 + 8 + 7 + 8 + 3 = 32 \text{ jam}$															
	HAIDAM															
Hukam	keseluruhan darah keluar melebihi 24 jam dalam tempoh tidak melebihi 15 hari 15 malam															
	SUCI															

Oleh yang demikian, berdasarkan contoh di atas, keseluruhan tempoh darah keluar dan *an-naqa'* (berhenti) adalah tempoh haidh. Berdasarkan pendapat ini, jika dia mengerjakan ibadah pada waktu *an-naqa'*, seperti sembahyang, maka tidak sah sembahyangnya namun tidak wajib diqadha sembahyang itu atau dia berpuasa, maka tidak sah puasanya dan wajib diqadha puasa tersebut.

Jika darah yang keluar secara terputus-putus dalam tempoh 15 hari 15 malam itu keseluruhannya kurang dari 24 jam, maka darah yang keluar tidak dikira sebagai haidh. Dalam tempoh tersebut, dia wajib menunaikan semua ibadat yang diwajibkan ke atasnya seperti sembahyang, puasa dan lain-lainnya.

Sebagai kesimpulan, perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam menentukan darah berhenti dalam tempoh haidh sebagai haidh atau bukan haidh, tidak tertumpu hanya kepada hitungan jumlah hari sahaja tetapi juga hitungan jumlah jam bagi darah perempuan yang keluar secara terputus-putus itu. Bagi perempuan yang baru pertama kali mengalami kedatangan haidh jika ibadat-ibadat yang diwajibkan ke atasnya tidak dilakukan dalam tempoh darah keluar yang tidak dikira sebagai haidh, maka wajib dia mengqadha ibadah yang ditinggalkannya.

Mengukuhkan hubungan pendidikan tinggi antara Asia Tenggara, Afrika Utara



■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Cadi Ayyad University (UCA), Maghribi telah merasmikan kerjasama mereka dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pada 4 Julai 2025.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor, Dr. Hazri Haji

Kifle bagi pihak UBD; manakala Presiden UCA, Blaid Bougadir pula menandatangani bagi pihak UCA.

Majlis tersebut disaksikan oleh pegawai kanan, ahli akademik dan wakil kedua-dua institusi.

Presiden UCA dan delegasinya berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri Persidangan Majlis

Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Ke-53, yang diadakan dari 1 hingga 3 Julai 2025 di The Empire Brunei.

MoU tersebut menggariskan beberapa bidang kerjasama, termasuk pertukaran pelajar dan kakitangan, penerbitan akademik bersama, inisiatif penyelidikan, serta peluang latihan industri. Kerjasama tersebut mencerminkan

MOU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UBD manakala Presiden UCA, Blaid Bougadir pula menandatangani bagi pihak UCA.

visi bersama untuk mengukuhkan hubungan pendidikan tinggi antara Asia Tenggara dan Afrika Utara, sambil memupuk pembelajaran rentas budaya dan inovasi.

Dr. Hazri dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa UBD berbangga untuk mengambil langkah penting tersebut sambil menekankan bahawa kecemerlangan akademik, kepimpinan serantau dan perspektif global UCA sejajar dengan aspirasi UBD.

Beliau seterusnya berkongsi bahawa UBD berharap untuk memulakan hubungan yang bermakna dan saling memperkayakan bersama UCA, satu kerjasama yang akan menghasilkan penyelidikan yang berkesan, pertukaran akademik, mobiliti pelajar dan perkongsian

pengetahuan merentas sempadan.

Sementara itu, Blaid Bougadir pula menyuarakan keyakinannya terhadap potensi kerjasama tersebut dengan UBD, walaupun masa yang singkat sejak kedua-dua institusi mula-mula menjalin hubungan.

Beliau seterusnya menyatakan semangatnya untuk meneroka peluang kerjasama dan berharap untuk membina hubungan yang kukuh dan berkekalan antara kedua-dua universiti.

Kerjasama tersebut menekankan komitmen kedua-dua universiti untuk memajukan pendidikan tinggi dan kecemerlangan penyelidikan, meningkatkan penglibatan serantau dan global, pertukaran pelajar dan kakitangan dan menyumbang kepada matlamat pembangunan yang lebih luas bagi NBD dan Kerajaan Maghribi.

Dengan perjanjian tersebut, UBD dan UCA mengharapkan kerjasama yang dinamik dan berkekalan yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua komuniti akademik dan mengeratkan hubungan dua hala.

SEMINAR ANUGERAH CIPTA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA 2025 LABUH TIRAI



■ **Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

TUNGKU LINK, Isnin, 7 Julai. - Seminar Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 melabuhkan tirainya dengan tema 'Membina Jambatan Antara Inovator, Industri dan Institusi' (Building Bridges Between Innovators, Industry, and Institutions) bertempat di Teater Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Naib Canselor (Hubungan Luar dan Industri), UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji

Omar.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Seminar CIPTA 2025, Dr. Ismawi bin Haji Md. Yusof.

Acara diteruskan dengan sesi perkongsian bertajuk 'Menyebarkan Aura Kemenangan' (Spreading the Winning Vibes), yang dikendalikan oleh Penolong Profesor Kanan dari Bidang Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, UTB, Dr.

Md. Motiar Rahman.

Sesi tersebut menampilkan pembentangan daripada para pemenang utama pertandingan CIPTA 2025, termasuk Kategori 1 (Mencipta Produk, Proses atau Teknologi Baharu) oleh Dayang Fatin Nuratikah binti Haji Asbi dari UTB; Kategori 2 (Mengubah Suai Produk, Proses atau Teknologi Sedia Ada) oleh Dr. Law Kah Haw dari UTB; Kategori 3 (Mencipta atau Mengubah Suai Produk, Proses atau Teknologi oleh Pencipta Muda) oleh Lee Jing Jing dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; dan Kategori Junior Bijak oleh Callum Singh Sekhon dari Sekolah Menengah

PENOLONG Naib Canselor (Hubungan Luar dan Industri), UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat pada penutup Seminar Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025.

Chung Hua Kuala Belait.

Pembentangan ini memberikan pandangan yang bernilai terhadap penyelesaian inovatif yang dibangunkan oleh para peserta serta menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada tetamu yang hadir.

Acara kemudian diikuti dengan sesi soal jawab, di mana mereka yang hadir berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan para pembentang. Dialog interaktif tersebut mencetuskan perbincangan lanjut mengenai proses inovasi dan perjalanan dalam mengubah idea kepada penyelesaian yang berdaya maju.

Program diteruskan dengan forum bertajuk 'Membuka Jalan Ke Hadapan dengan Pihak Berkepentingan' (Pave the Way Forward with Stakeholders'), yang dikendalikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Pengiran Dr. Haji Azhan bin Pengiran Haji Ahmad.

Forum ini menghimpunkan beberapa penceramah utama dari pelbagai institusi dan industri.

Pembentangan pertama, memfokuskan kepada kajian kebolehlaksanaan, telah disampaikan oleh Pengarah Pejabat Perusahaan di UTB, Dr.

BRUNEI 2025
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2025

Sharina Yunus, diikuti dengan sesi perkongsian strategik oleh Ketua Perhubungan Luar di Brunei LNG Sendirian Berhad, Malai Ayla Surya Malai Haji Abdullah.

Manakala penceramah ketiga, Ketua Pengurusan Program Pembangunan Perusahaan di Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Reuben Chin, berkongsi pandangan tentang aliran proses perniagaan.

Penceramah terakhir iaitu Ketua Pegawai Eksekutif InnovAero, Awang Shafique Hussain, berkongsi kisah kejayaan yang menentang inovasi dan keusahawanan.

Setiap penceramah menyampaikan pembentangan ringkas, diikuti dengan perbincangan mengenai peluang dan cabaran dalam merapatkan inovasi dengan rangka kerja komersil dan institusi.

Seminar diadakan sempena Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 anjuran UTB dengan kerjasama Brunei LNG Sendirian Berhad.

Acara ini merupakan sebahagian daripada Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2025 di bawah kluster Teknologi dan Inovasi.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.
وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْاَسْقَامِ.

اَللّٰهُمَّ اَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلُ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنْفِرُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْغَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ يَّعْدِدُ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Kelas:
VI Sahaja

Kategori:
KA01, KP04 & ME03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
16 Julai 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
29 Julai 2025
(Selasa)
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 025 /
2025

Nama Projek:
Meningkatkan Taraf Loji-Loji
Rawatan Air - Pembinaan Loji
Rawatan Air Bukit Barun Peringkat
8 - Pakej 2, Kerja-Kerja
Penambahbaikan

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Kelas:
Pembekal Yang Diluluskan Sahaja

Kategori:
[P05 sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
16 Julai 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
29 Julai 2025 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 024 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan Alat Ganti Mekanikal
Dan Elektrikal Bagi Alat
Pengepam Air Stesen Pengepam
Air Utama

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
22 Julai 2025, Selasa.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup:
5 Ogos 2025, Selasa.
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 24 / 2025

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif 'Otis' Di
Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama Dan
Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 23 / 2025

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif 'Otis' Di
Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Luar Negeri,
Bandar Seri Begawan Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / K / 46 / 25 - 26
Supply, Deliver, Install, Testing
And Commisioning Of Internal
Fiber Optic Connectivity At ICC

Bayaran Tawaran :
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 23 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**Ikran Tarikh Lanjutan
Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Rujukan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 1 / 25-26
Pembuatan Video dan Grafik bagi
Pengurniaan Anugerah Inovasi
Perdana sempena
Hari Perkhidmatan Awam
ke-32, Tahun 2025

**Yuran Sebut Harga
(E-dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran
To Provide Maintenance Services
For Airfield Ground Lighting At
Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-37

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
9 Julai 2025,
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
22 Julai 2025,
Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
23 Julai 2025,
Rabu.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
KKBS / SEBUTHARGA /
2025-2026 / 01

Tajuk Sebut Harga:
Program Pembangunan Kapasiti
Bagi Pegawai-Pegawai
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan,
Latihan Dalam [In-House],
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 11.00 Pagi.


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TCADPJDKB /
2025-2026

Keterangan Projek:
Trees Cutting At Dewan
Persidangan Jalan Dewan,
Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / OTCCAADSPBKB(2) /
2025-2026

Keterangan Projek:
One Time Cleaning Contract to
Clean Access Asphalt Driveway
Surface at Padang Bandaran
Jalan Sultan, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
POS / T / 08 / JPP / 2025-2026
Kerja-Kerja Mengecat Permukaan
Dinding Luar Bangunan Blok E
Di Pejabat Besar Pos,
Bandar Seri Begawan

**Rujukan Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
POS / T / 09 / JPP / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan
Alat Pendingin Hawa Di
Bekas Ruang Print & Post,
Pusat Memproses Mel,
Lapangan Terbang Lama Berakas

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
RBPF / TPROC / RC / 001 /
2025-QM

Tawaran Bagi Perkhidmatan
"The Leasing Of Photocopiers
Complete With Sorter Inclusive
Supply Of Paper For A Period
Of 4 Years Contract"
For Royal Brunei Police Force

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.





Bilangan Tawaran:
KK / 166 / 2025 / DSS(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Common Chemicals And Reagents For Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 167 / 2025 / HTD

Keterangan:
Provision Of Mobile Digital Radiography System For Radiology Department, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 169 / 2025 / JPR(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Single Use Dialyser For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00



Bilangan Tawaran:
KK / 170 / 2025 / DSS(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Qiagen Differential Wash And Sample Purification Consumables And Reagents For Use With Qiacube Connect For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 174 / 2025 / HTD

Keterangan:
Procurement Of Subscription Based Learning Management System For Bru-Hims 2.0 For Three (3) Years For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 018 / 2025

Nama Projek:
Pembersihan Koridor Jalan Raya di Sepanjang Jalan Labi, Daerah Belait

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-001-003

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01 – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 019 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Raya Di Sepanjang Jalan Utama Dan Kecil Di Mukim Kuala Belait, Mukim Kuala Balai Dan Mukim Seria Dalam Tempoh 24 Bulan



No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-001-002

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01 – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 020 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Raya Di Sepanjang Jalan Utama Dan Kecil Di Mukim Liang, Labi, Bukit Sawat Dan Ulu Belait Dalam Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-001-001

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 15 Julai 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 29 Julai 2025
(tidak lewat 2.00 Petang)



Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam :-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 7 Ogos 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 37 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Bengkel Wasan Dan Stor, Banglo Wasan (Pejabat), Barek Blok 'G' Dan Jalan Masuk, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 38 / 2025-2026:
Pump Operation Services At Imang Dam Irrigation Station, Kg Panchor Murai, Brunei Muara District For One (1) Year

JPt / SH / 40 / 2025-2026:
Drafting Services For Preparation Of Standard Design And Build Tender Documentation Of Infrastructure Works

JPt / SH / 42 / 2025-2026:
Supply, Installation And Replacement Of Fencing At Unit Penyelidikan Padi Wasan Office, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Brunei Muara District

JPt / SH / 43 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Pejabat, Perumahan Dan Jalan Ladang KKP Tungku, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 44 / 2025-2026:
Melaksanakan Penyelenggaraan Peralatan Bagi Makmal Veterinar

JPt / SH / 45 / 2025-2026:
Supply And Delivery Of Standards For Multi-Mycotoxin Determination Using HPLC In Nutrition & Toxicology Laboratory

JPt / SH / 46 / 2025-2026:
Supply, Delivery, Install And Test Veterinary Chemistry Analyser At VLS Terunjing.

JPt / SH / 47 / 2025-2026:
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refill For Veterinary Laboratory Services For One Year.

JPt / SH / 48 / 2025-2026:
Supply, Delivery Of Laboratory Freezers And Ice Maker Machine For Veterinary Services.



DA / JKSH / 47 / 2025 / 2026 [BPPA-JULAI-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam. Kod Blok : MTT / 01 Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
12 Julai 2025.
Jam 9.00 Pagi.



Pusat Pekerjaan Brunei Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Tawaran:
PPB / LTK / JELAJAHERJAYA2025

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi To Supply, Deliver and Install Exhibition Booths & Displays For Jelajah Kerjaya 2025

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 Julai 2025
2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / SH / 09 / 2025-2026

To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Laminar Flow Cabinet For Microbiological Analysis

JPt / SH / 12 / 2025-2026

Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bagi Bangunan Perkhidmatan Makmal Terunjing Dan Bangunan-Bangunan Sekitarnya Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 13 / 2025-2026

Replacement Of Damaged Electric Cable At KKP Batumpu Pump Station

JPt / SH / 14 / 2025-2026

Supply And Deliver Of Stereo Zoom Microscope With Camera Tablet Set

JPt / SH / 15 / 2025-2026

Membekal Span Hidroponik Bagi Tanaman Sayur-Sayuran

JPt / SH / 16 / 2025-2026

Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Mulaut Dan Lampaki Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara. Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 34 / 2025-2026

Supply And Deliver Clinical Chemistry Consumables At VLS Terunjing

JPt / SH / 35 / 2025-2026

To Provide And Deliver Consumables For Laboratory Analysis On Multimycotoxin Using HPLC In Nutrition & Toxicology Laboratory

JPt / SH / 36 / 2025-2026

Supply And Deliver Sample Extraction And Analyses Consumables For Chemical And Drug Residue Laboratory

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,
31 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

Borang Sebut Harga:

BND7.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:

RTB / 1206-005 / (01)
Supply, Delivery, Installation, Testing, Training & Commissioning Of 4K IP Camera System for OB Facilities (Bangunan Tambahan RTB - Pembinaan Blok Operasi Penyiaran & Dewan Serbaguna Studio Di Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar

Bilangan Tawaran:

RTB / 1206-005 / (02)
Supply, Delivery, Installation, Testing, Training & Commissioning Of 4K Outside Broadcast TV Production Facilities & System Integration (Bangunan Tambahan RTB - Pembinaan Blok Operasi Penyiaran & Dewan Serbaguna Studio Di Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar)

Bayaran Tawaran:

BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

19 Ogos 2025.
2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:

4 / BBS / SDSFJBKBS / 2025 - 2026

Keterangan Projek:

Supply And Delivery Of Ink Cartridges Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:

BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:

Selasa, 15 Julai 2025.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Terbuka Bagi
Membekal Dan Menghantar
Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah**

**MOE / LTK / 49 / 2025 / 2026
(JPK-JULAI-2025)**

Tawaran Terbuka Bagi Membekal Dan Menghantar Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah Bagi Kemasukan Tahun 2026 Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :**

BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:

29 Julai 2025.
Selasa.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran:

Provision of Manpower for: Discipline Maintenance Specialist for The Department For Electrical Services

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / MMD / 048 / 2025

Tarikh Tutup:

22 Julai 2025.
(Selasa)

Harga Tawaran

(Tidak dikembalikan)
BND500.00



**MOE / LTK / 48 / 2025 / 2026
(JPPE-JULAI-2025)**

Three Years Term Contract For Pest Control To All Government Housings, Government Offices, Government Primary Schools, Secondary Schools, Ministry Of Education, Brunei Muara District And Temburong District, Negara Brunei Darussalam.

Kelas:

III / IV Sahaja

Kategori:

KPB05, B01

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**

BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

19 Julai 2025.
(Sabtu)

Tarikh Tutup Dan Waktu :

22 Julai 2025.
Selasa.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 16

Tajuk Tawaran:

Event Management Services For Networking Session Between Brunei And Sarawak Agencies, September 2025

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
7 Ogos 2025,
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:

II & III Sahaja

Kategori:

S02 & S03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**

Selasa, 16 Julai 2025.

Tarikh Tutup:

29 Julai 2025, Selasa.
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:

JKR / DWS / 023 / 2025

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Pembersihan Kawasan Tangki-Tangki Zone 'B' Di Daerah Brunei Dan Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:

BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



**JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Perkhidmatan Pengangkutan
Dan Tenaga Kerja Bagi
Kerja-Kerja Penghapusan
Secara Berkontrak 12 Bulan
Untuk Jabatan Kastam Dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi**

Rujukan Tawaran:

JKED / TAWARAN / UPDP /
BL / Q / 2025-04

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



449 PELAJAR DIRAIKAN PADA MAJLIS HAFL AT-TAKHARRUJ

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah meraikan seramai 449 pelajar pada Majlis Hafl At-Takharruj Kali Ke-31, hari ini, atas pencapaian cemerlang para pelajar berkenaan dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan BCGCE 'A' Level 2024.

Daripada jumlah keseluruhan itu, seramai 367 pelajar menerima STPUB dan 74 pelajar menerima Sijil BCGCE 'A' Level dan seramai lapan pelajar telah menerima kedua-dua sijil peperiksaan awam tersebut.

Majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, itu juga menyaksikan Dayang Dayana binti Adi Rani Soffian menerima Anugerah Pelajar Mithali bagi Sesi 2023 / 2024 Masihi.

Sementara itu, Anugerah Khas bagi Sesi 2023 / 2024M juga diberikan iaitu Anugerah Khas Al-Imtiyaz STPUB dan BCGCE 'A' Level kepada Dayang Huda Insyirah binti Mahmud dan Awang Adam bin Muhamad Yusop.

Anugerah Khas Al-Imtiyaz (STPUB) Usuluddin diberikan kepada Dayang Farah Nabilah binti Muryadi, sementara Dayang Nur Ibra'atul Farwizah binti Ibrahim merupakan penerima Anugerah Al-Imtiyaz Asy-Syariah dan Dayang

Wana Farhana binti Haji Shamsuddin pula menerima Anugerah Al-Imtiyaz Al-Lughah.

Manakala Anugerah Khas Al-Imtiyaz (BCGCE 'A' Level) diterima oleh Dayang Nur Rana Rasyiqah binti Haji Md. Syahiran. Dayangku Nur Azmatun Haziqah binti Pengiran Zainalabidin menerima Anugerah Khas Pencapaian Konsisten (STPUB) dan Awang Mohammad Wa'ez Asyraf bin Mohammad Endy pula menerima Anugerah Khas Pencapaian Konsisten (BCGCE 'A' Level).

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian Anugerah Khas Madrasah kepada Awang Muhammad Qahir bin Haji Rosley, manakala Awang Ahmad Syafi'ie bin Aziz-Soffre menerima Anugerah Khasummarasah Al-Lughah Al-Arabiyyah serta Anugerah Khas Kokurikulum pula masing-masing diterima oleh Awang Muhammad Nur Hafizan@Nur Syafizan bin Saban dan Dayang Nurazatul Aiman Zafirah binti Muhammad Hafizchin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Mufti (Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah.

Pengetua Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan

alu-aluannya berkata bahawa dalam Peperiksaan STPUB, seramai 367 pelajar telah lulus, yang mana seramai 202 orang pelajar telah berjaya mendapat pangkat Mumtaz, iaitu merupakan pencapaian jumlah tertinggi pangkat Mumtaz setakat ini, 115 pelajar mendapat pangkat Jayyid Jiddan, 49 pelajar mendapat pangkat Jayyid dan 9 pelajar mendapat pangkat Maqbul.

Dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level, katanya, daripada seramai 82 pelajar yang mengambil peperiksaan ini, 65 orang mendapat 3 A kredit, 13 orang mendapat 2 A kredit dan empat orang mendapat 1 A kredit.

"InsyaAllah, pihak madrasah akan terus berusaha bagi meningkatkan kualiti pencapaian pelajar dengan membuat pelbagai inisiatif dengan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak," tambahnya lagi.

Di samping penumpuan utama dalam bidang akademik, jelas Dayang Hajah Azizah, pelajar-pelajar madrasah juga secara umumnya tidak ketinggalan turut bergiat aktif dalam bidang kokurikulum dan kemasyarakatan bagi meluaskan lagi ilmu pengetahuan dan menyediakan pelajar yang serba berkebolehan dan bersedia bagi menghadapi masa depan, di samping harapan agar para pelajar semua akan terdidik dan berjaya dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi.

"Pihak madrasah percaya, kejayaan itu tidak akan mudah dicapai tanpa adanya sokongan, galakan dan doa restu yang berterusan daripada pihak ibu bapa dan penjaga.

"Ucapan penghargaan dan syukuran jazeera juga diucapkan kepada pihak Jabatan Pengajian Islam di atas perhatian dan sokongan yang berterusan terhadap pihak madrasah, semoga pihak madrasah akan terus dapat memberikan yang terbaik dan mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan," ujarnya.

Dayang Hajah Azizah



PENOLONG Mufti (Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Hafl At-Takharruj Kali Ke-31 Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah.

seterusnya melahirkan penghargaan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pelajar atas pencapaian yang membanggakan ini. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih, doa, sokongan ibu bapa, bimbingan para guru serta ketekunan anak-anak pelajar sendiri.

Majlis ini, tambahnya, bukan sahaja menandakan berakhirnya satu fasa penting dalam perjalanan pendidikan anak-anak, bahkan menjadi titik permulaan kepada sebuah perjalanan kehidupan yang lebih luas dan mencabar.

"Semua *asatizah* dan kakitangan berasa bangga dan berbesar hati atas pencapaian dan juga selesainya para pelajar semua belajar di Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah. Semoga kejayaan sentiasa mengiringi di mana pun anak-anak semua berada. Terus usaha, teruskan melangkah dengan penuh keyakinan, teruskan perjuangan, hargai waktu yang ada, sentiasalah berbuat kebaikan dan kebajikan.

"Semoga kejayaan hari ini menjadi pemangkin semangat untuk terus berusaha mencapai cita-cita yang lebih tinggi. Semoga anak-anak semua berjaya dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi," katanya lagi.

Majlis dimulakan dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran berserta tafsir, diikuti dengan Selawat Tafrijiyyah, Lagu Kebangsaan dan Lagu Rasmi Sekolah.

Selain itu, majlis diteruskan dengan menyaksikan tayangan video dan selanjutnya kemuncak acara iaitu penyampaian sijil dan hadiah kepada pelajar-pelajar STPUB dan BCGCE 'A' Level dan seterusnya penyampaian Hadiah Anugerah Khas dan Hadiah Pelajar Mithali.

Majlis Hafl At-Takharruj juga bertujuan untuk membarigakan dan memartabatkan pendidikan Islam dan Arab kepada masyarakat di negara ini; menzahirkan kegembiraan, kesyukuran serta penghargaan atas kejayaan pelajar-pelajar dalam Peperiksaan STPUB dan BCGCE 'A' Level serta memotivasikan para pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan pada masa depan.

Adapun majlis seumpama ini sebagai pengiktirafan atas kejayaan serta usaha berterusan dalam melahirkan generasi pelapis yang berdaya saing dan berakhlak mulia bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.



ANTARA pelajar yang diraikan pada Majlis Hafl At-Takharruj tersebut.

Menghargai sumbangan nelayan dalam pembangunan negara



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meninjau aktiviti pada Hari Nelayan bersempena dengan Hari Lautan Sedunia yang diadakan di Pantai Jerudong.

JERUDONG, Selasa, 8 Julai. - Nelayan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan bekalan sumber makanan laut negara sentiasa mencukupi dan berterusan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setakat tahun 2024, jumlah nelayan kecil-kecilan yang berdaftar di NBD adalah seramai 1,500 orang.

Dalam menghargai dan meraikan para nelayan yang sentiasa menunjukkan komitmen

tinggi dalam usaha menyumbang kepada keselamatan makanan dan pembangunan negara, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Poni Group Sdn. Bhd. menganjurkan Hari Nelayan bersempena dengan Hari Lautan Sedunia yang berlangsung di Pantai Jerudong, hari ini.

Penganjuran acara ini adalah yang pertama kali dilaksanakan membawa tema utama 'Pemeriksaan Komuniti

Nelayan' dengan matlamat memperkukuhkan pembangunan sektor perikanan serta menyokong kesejahteraan ekonomi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Antara pengisian utama sepanjang acara ini termasuk aktiviti pembuatan takat tiruan (*reef balls*) yang melibatkan penyertaan seramai 119 nelayan tempatan bagi pendedahan dan kemahiran asas mengenai teknik pembinaan takat tiruan sebagai salah satu usaha pemuliharaan habitat marin dan sokongan kepada sumber perikanan.

Selain itu, beberapa sesi taklimat seperti Taklimat Asas Keselamatan di Laut telah disampaikan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan NBD bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para nelayan mengenai langkah-langkah keselamatan asas semasa berada di laut, serta tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi situasi kecemasan.

Juga disampaikan taklimat mengenai pengawalan Undang Bakara dan ketam oleh Jabatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Perikanan bagi meningkatkan kesedaran para nelayan dan orang awam mengenai kepentingan pengurusan dan pemeliharaan sumber perikanan secara mampan melalui pematuan kepada peraturan saiz tangkapan dengan mempamerkan tatacara pengukuran Undang Bakara dan ketam.

Antara aktiviti lain di acara tersebut termasuk penyediaan Kaunter Pelesenan Bergerak Perikanan bagi memudahkan nelayan untuk mendapatkan Lesen Alat Menangkap Ikan dan memastikan para nelayan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan serta menjalankan aktiviti penangkapan secara sah dan bertanggungjawab.

Di samping itu, turut disediakan semasa acara tersebut ialah Kaunter Bantuan Nelayan dengan kerjasama Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) serta institusi perbankan seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Usahawan bagi

membuka peluang untuk mendapatkan pembiayaan, bimbingan perniagaan, bagi mengembangkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing.

Pameran dan muzakarah mengenai keselamatan treler perahu daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya serta pameran enjin bot dan pelbagai peralatan menangkap ikan juga adalah antara aktiviti yang diadakan pada acara tersebut sebagai pendedahan kepada aspek keselamatan jalan raya semasa pengangkutan dan penggunaan treler perahu serta teknologi dan inovasi terkini yang dapat meningkatkan efisiensi dan produktiviti operasi nelayan.

Acara Hari Nelayan ini menjadi platform penting untuk meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan komuniti nelayan-nelayan, di samping meningkatkan kesedaran berkenaan amalan perikanan yang selamat, bertanggungjawab dan mampan.

SEMAI RASA TANGGUNGJAWAB, PUPUK RASA SYUKUR



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Julai. - Kerajaan Brunei Darussalam menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara. Menghargai usaha ini bukan sahaja mencerminkan rasa syukur, tetapi juga menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai warga negara yang prihatin.

Di negara ini terdapat lima perkhidmatan dan kemudahan utama yang perlu dihargai antaranya adalah termasuk pendidikan percuma.

Kerajaan Brunei Darussalam menyediakan pendidikan secara percuma kepada semua rakyat dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah, hingga ke peringkat pengajian tinggi awam seperti di peringkat universiti dan institut pengajian tinggi.

Ciri-ciri utamanya tiada yuran pengajian dikenakan; buku teks dan bahan pembelajaran disediakan; peluang untuk menerima biasiswa kerajaan bagi melanjutkan pengajian ke

luar negara serta pelbagai program sokongan seperti kelas tambahan, aktiviti kokurikulum dan pembelajaran digital.

Ia bagi membuka peluang pendidikan kepada semua lapisan masyarakat, menggalakkan mobiliti sosial dan membina tenaga kerja berpengetahuan untuk pembangunan negara selain membuka peluang sama rata kepada semua rakyat untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Selain itu, perkhidmatan kesihatan percuma atau bersubsidi juga turut diketengahkan yang mana rawatan kesihatan asas dan kecemasan disediakan secara percuma atau pada kos minimum di hospital dan klinik kerajaan, dengan caj pendaftaran sebanyak BND1. Ini menjamin kesihatan rakyat sentiasa dijaga tanpa membebankan kewangan mereka.

Di Negara Brunei Darussalam, sistem kesihatan awam dibiayai sepenuhnya atau sebahagian besar oleh kerajaan sebagai salah satu bentuk tanggungjawab sosial

dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Perkhidmatan kesihatan ini boleh dikategorikan sebagai antara yang terbaik dan paling murah di rantau ini.

Ia merangkumi rawatan pesakit luar dan dalam di hospital kerajaan; rawatan kecemasan dan pembedahan; ubat-ubatan asas percuma; serta perkhidmatan ibu mengandung, kanak-kanak, vaksinasi, dan kesihatan awam.

Melalui Skim Perumahan Negara pula, kerajaan membantu rakyat memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan, menekankan aspek kesejahteraan dan kestabilan keluarga, ini termasuk rumah diberi pada harga subsidi (jauh lebih murah berbanding harga pasaran); kemudahan asas disediakan seperti jalan raya, air, elektrik dan masjid serta beberapa kemudahan yang berkaitan; dan lokasi perumahan dirancang untuk pembangunan komuniti.

Selain itu, rakyat dan penduduk di negara ini juga turut menikmati beberapa subsidi dan bantuan kewangan yang lain seperti seperti bahan api, beras, pendidikan, dan elektrik bertujuan bagi menjamin

ANTARA kemudahan yang dibina untuk memudahkan kehidupan harian rakyat.

taraf hidup yang stabil dan mengelakkan jurang ekonomi yang ketara dalam masyarakat.

Bantuan kewangan juga diberikan kepada golongan yang memerlukan melalui pelbagai skim kebajikan, seperti melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta pihak-pihak berkepentingan yang lain kepada golongan tidak berkemampuan, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal.

Kemudahan infrastruktur juga antara yang diberikan perhatian pihak kerajaan seperti kemudahan jalan raya, kemudahan kompleks sukan, perpustakaan, taman awam, dan kemudahan ICT disediakan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Kerajaan melabur dalam membina dan menyelenggara infrastruktur moden dan berkualiti di seluruh negara demi menjana pembangunan ekonomi, memudahkan kehidupan harian rakyat, serta menarik pelabur dan

pelancong luar.

Contoh kemudahan yang ada pada masa kini termasuklah jaringan jalan raya dan jambatan seperti Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS); kemudahan ICT seperti jaringan internet dan kemudahan e-Government; kemudahan awam seperti taman rekreasi, balai raya, stadium, perpustakaan awam dan kompleks sukan; dan lapangan terbang moden (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei) dan pelabuhan.

Melalui kemudahan dan perkhidmatan ini menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kebajikan rakyat mengikut falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Justeru kita sebagai rakyat adalah menjadi tanggungjawab moral untuk kita menggunakannya dengan bijak dan berhemah; sentiasa menghargai dan bersyukur kemudahan yang disediakan; dan menjadi warga yang bertanggungjawab dalam membina negara yang sejahtera dan berkekalan.

Dengan menghargai dan memanfaatkan segala kemudahan ini dengan penuh kesedaran, kita dapat bersama-sama mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara MIB.

Patuhi perintah Akta Perancangan Bandar dan Desa



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Julai. - Kegiatan perusahaan penyimpanan barang pembinaan dan jentera berat tanpa kebenaran yang terletak di Kampung Serasa, Mukim Serasa telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Seksyen 23 (2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan ini dijalankan di atas tanah bersyaratkan pertanian am di dalam zon perumahan yang mana tidak sesuai untuk tujuan perusahaan seperti ini.

Kegiatan seperti ini mengganggu penduduk kawasan perumahan berhampiran, berpotensi menyebabkan bahaya dan menyebabkan kerosakan jalan raya di dalam kawasan tersebut.

Oleh itu, kegiatan seperti ini hendaklah dijalankan di dalam zon perusahaan yang disiapkan dengan pelbagai prasarana untuk menampung kegiatan seperti ini.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti dan membersihkan kawasan tersebut dan syarikat telah pun berpindah dan beroperasi di zon industri yang telah dikhaskan.

Pemajuan dan perubahan penggunaan tanpa Kebenaran Perancangan boleh menyebabkan bahaya dan menjejaskan keselamatan orang ramai.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Seksyen 23 yang

KESALAHAN perusahaan penyimpanan barang pembinaan dan jentera berat tanpa kebenaran yang terletak di Kampung Serasa, Mukim Serasa dan telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Seksyen 23 (2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancangan.

memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Seksyen 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200 222.

Dipenjara 11 bulan atas kesalahan mencabul

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Seorang lelaki warganegara Filipina, berumur 51 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama 11 bulan atas kesalahan mencabul kehormatan seorang remaja berusia 18 tahun.

Majistret Kanan, Hajah Ery Sufitriana binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman itu terhadap Willie Mandal Garganera selepas defendan didapati bersalah melakukan perbuatan berkenaan pada Jun 2022.

Defendan didapati telah mencabul kehormatan seorang juruwang remaja di dalam tandas wanita sebuah gedung perniagaan di Kiulap.

Defendan yang bekerja sebagai tukang cuci di gedung tersebut memasuki tandas wanita tersebut dengan alasan untuk menjalankan tugas pembersihan sebelum waktu perniagaan buka.

Defendan terserempak dengan mangsa berhampiran pintu masuk tandas lalu dia meletakkan lengannya di bahu mangsa dan mencium pipi mangsa tanpa persetujuannya.

Mangsa telah menghubungi ibunya sejurus selepas kejadian dan melaporkan ke pihak polis.

Menerusi alasan penghakiman mahkamah pada 5 Jun 2025, telah mensabitkan defendan di bawah Seksyen 354 Kanun Jenayah menggunakan kekerasan jenayah dengan niat untuk mengaibkan maruah mangsa. Kesalahan itu membawa hukuman maksimum penjara lima tahun dan sebat.

Dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah menyifatkan perbuatan defendan sebagai disengajakan, terancang dan bersifat mengambil kesempatan. Walaupun defendan diberi amanah untuk menjalankan tugasnya, beliau telah memasuki tandas wanita sedangkan ketika itu tandas berkenaan sedang digunakan.

Melalui rakaman CCTV menunjukkan defendan, keluar dan masuk ke tandas berkenaan beberapa kali dalam tempoh seminit, di mana ia tidak selaras dengan tugas pembersihan sebenar dan menunjukkan niat menyasarkan mangsa.

Defendan dijatuhkan hukuman penjara 11 bulan. Hukuman sebatan tidak dikenakan kerana beliau dikecualikan di bawah Kanun Prosedur Jenayah memandangkan usianya melebihi 50 tahun.

Pendakwaan kes dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Haji Kiprawi manakala defendan diwakili oleh Czar Calabazon dari Rudi Lee, Annie Kon & Associates.

BIBD, BSI PERKUKUH KERJASAMA DALAM PEMBIAYAAN PERDAGANGAN PATUH SYARIAH



■ Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

JAKARTA, Isnin, 7 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) merasmikan perjanjian Islamic Risk Participation yang strategik dengan Bank Syariah Indonesia (BSI), meningkatkan lagi kerjasama dalam pembiayaan perdagangan patuh syariah dan integrasi kewangan serantau.

Perjanjian tersebut, ditandatangani pada Ekspo Antarabangsa BSI 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Jakarta membolehkan BIBD dan BSI bekerjasama dalam urus niaga pembiayaan perdagangan seperti surat kredit dan jaminan, dengan tumpuan pada pengaturankongsi risiko yang sejajar dengan prinsip Islam.

Menandatangani bagi pihak BSI ialah Naib Presiden Pengarah BSI, Bob Tyasika Ananta, manakala BIBD diwakili oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaedi bin Haji Masri.

Perkongsi penting ini akan membolehkan BIBD mengembangkan portfolio kewangan perdagangannya, dan mendapat akses kepada aktiviti kewangan perdagangan global sambil mengukuhkan kedudukannya dalam ekosistem kewangan Islam.

Ia juga mencerminkan keupayaan BIBD yang semakin meningkat dan pandangan antarabangsa kerana ia terus mencari peluang bermakna untuk menyokong kecairan rentas



SEKITAR Majlis Perasmian Perjanjian Islamic Risk Participation di antara Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dengan Bank Syariah Indonesia (BSI) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Jakarta (atas dan atas kiri).

sempadan, kerjasama institusi dan nilai bersama dalam amalan kewangan yang beretika dan berdaya tahan.

Dalam ucapannya, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD berkongsi bahawa perjanjian itu mencerminkan komitmen bersama untuk mengukuhkan kewangan patuh syariah di seluruh rantau ini.

Beliau berkata walaupun Brunei bersaiz sederhana, ia tetap komited terhadap nilai dan prinsip kewangan Islam dan mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan rakan kongsi Indonesia untuk membantu

meningkatkan industri di peringkat serantau dan global.

Sebagai bank terbesar Brunei dan institusi kewangan Islam, strategi BIBD menyokong aspirasi negara yang lebih luas di bawah Wawasan Brunei 2035 untuk meletakkan negara sebagai pemain serantau yang dinamik dalam kewangan Islam.

Dengan Pejabat Perwakilan yang ditubuhkan di Singapura dan Dubai, perkongsi terbaharu dengan BSI ini mewakili satu lagi langkah penting dalam mengembangkan kehadiran dan kepimpinan Brunei dalam koridor kewangan global utama.

Perjanjian itu juga sejajar dengan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN, yang menggalakkan bank yang berkelayakan untuk beroperasi merentasi sempadan dan menggalakkan daya tahan kewangan yang lebih besar di seluruh rantau ini.

Penyertaan BIBD dalam Ekspo Antarabangsa BSI tahun ini menandakan tumpuan yang diperbaharui untuk mengukuhkan perkongsi dalam ekosistem halal dan menggalakkan kemakmuran bersama melalui penyelesaian kewangan Islam di seluruh ASEAN dan seterusnya.

Forum tekankan inovasi pendidikan, kepimpinan berteraskan nilai Islam



PEMANGKU Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad dijemput sebagai ahli panel dalam sesi selari bertajuk 'Peranan Kepimpinan Pendidikan Tinggi dalam Membina Universiti Moden dan Produktif' (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

RABAT, MAGHRIBI, 7 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus membuktikan kedudukan seajarnya dengan universiti terkemuka antarabangsa apabila turut diundang menyertai 6th Vice Chancellors' Forum of Universities in the Islamic World anjuran Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Dunia Islam (ICESCO), bertempat di Ibu Pejabat ICESCO, Rabat, Maghribi.

Penyertaan ini mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap sumbangan dan komitmen UNISSA dalam pengajian tinggi Islam di persada global.

Bertemakan 'Reimagining

Higher Education in the Islamic World: Innovation, Sustainability, and Global Impact', forum ini menghimpunkan tokoh-tokoh pendidikan tinggi dari dunia Islam bagi membincangkan masa depan pendidikan tinggi yang inklusif dan lestari.

Antara topik utama yang diketengahkan termasuk inovasi pendidikan, kepimpinan beretika berteraskan nilai Islam, dan impak global institusi pendidikan.

Menyerlahkan komitmen UNISSA dalam memperkasa pendidikan Islam, Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad, telah dijemput sebagai ahli panel dalam sesi selari bertajuk 'Peranan

Kepimpinan Pendidikan Tinggi dalam Membina Universiti Moden dan Produktif'.

Dalam sesi tersebut, beliau turut berkongsi pendekatan UNISSA dalam melahirkan generasi khayra ummah menerusi program akademik berkualiti sejajar dengan keperluan semasa serta amalan terbaik dalam penyelidikan, inovasi dan khidmat masyarakat yang akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Forum ini turut menjadi platform bagi UNISSA memperkukuh kerjasama strategik melalui pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama International Islamic University

Islamabad (IIUI), Pakistan serta pemeteraian Surat Hasrat Kerjasama (LoI) dengan University of Sargodha, Pakistan.

Seterusnya delegasi UNISSA yang turut disertai oleh Dr. Hafini bin Mahmud, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa UNISSA telah mengadakan lawatan rasmi ke Universiti Mohammed V dan Dar El-Hadith El-Hassania, University of al-Qarawiyyin pada 25 Jun 2025.

Lawatan tersebut adalah bagi meneroka peluang kerjasama dalam bidang pertukaran pelajar, pengajian Islam dan kajian manuskrip termasuk mempergiat

kerjasama sedia ada dengan Universiti Mohammed V.

Menerusi lawatan itu juga turut menyaksikan pemeteraian MoU bersama Dar El-Hadith El-Hassania, University of al-Qarawiyyin yang diharap akan menjadi pemangkin kepada penyelidikan ilmiah dan pengembangan keilmuan Islam.

Penyertaan UNISSA dalam forum serta jalinan kerjasama yang dimeterai mencerminkan peranan aktif universiti dalam pembangunan pendidikan tinggi Islam yang dinamik, serta memperkukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kecemerlangan ilmu di peringkat global.



PROGRAM MASYARAKAT BERMAKLUMAT BARIGA PENGETAHUAN, USAHA KERAJAAN



BERAKAS, Selasa, 8 Julai. - Dalam usaha ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan untuk membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan

Majlis Pembukaan bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai 48 peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Bukit Udal dan Penapar, Mukim Tanjong Maya,

Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar. Turut hadir, Ketua Kampung Bukit Udal dan Penapar, Awang Haji Masri bin Haji Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SESI bergambar ramai pada Majlis Pembukaan bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) (kiri). Sementara gambar kanan, ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin.



Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Bilal Masjid Kampung Penapar, Awang Muhammad Khairi bin Haji Khairul Alaika.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin antara lain menyentuh mengenai dengan PMB merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai dengan usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam.

"Ia meningkatkan kefahaman mengenai dengan bidang keusahawanan dan program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan ataupun swasta dan memahami

usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi isu pengangguran serta mendorong pertumbuhan ekonomi serta memberikan inspirasi melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan," tambahnya.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan yang terpilih.



MINDA PEMBACA

Impak AI terhadap landskap pekerjaan masa depan

DALAM era Revolusi Industri 4.0, perkembangan teknologi semakin meningkat, khususnya dalam bidang Artificial Intelligence (AI) atau Kecerdasan Buatan. Teknologi AI digunakan dalam pelbagai sektor, sama ada pada bidang perubatan, kewangan, pendidikan hingga pembuatan. AI ialah sistem komputer atau mesin yang mempunyai keupayaan meniru pemikiran manusia. Peningkatan ini bukan sahaja mempengaruhi gaya hidup seharian, namun ia juga memberi kesan dalam landskap pekerjaan masa depan yang dilihat berubah secara drastik disebabkan pengaruh daripada teknologi ini.

Salah satu kesan ialah penggantian

tenaga kerja manusia dalam tugas-tugas rutin. Mesin yang dilengkapi AI boleh melaksanakan kerja dengan lebih cepat dan tepat, seperti memasukkan data ke dalam sistem, khidmat pelanggan dan kerja pembuatan di kilang. Sebagai contoh, robot digunakan di kilang bagi menggantikan pekerja manusia dalam pemasangan produk dan AI *chatbot* digunakan bagi sistem khidmat pelanggan di sektor perbankan. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengurangkan keperluan tenaga kerja dari manusia, dalam masa yang sama telah menimbulkan kerisauan dan menjadi isu penting. Oleh itu, pelaksanaan AI hendaklah dikerjakan secara teratur mengikut garis panduan

bagi memastikan penggantian ini memberi manfaat kepada manusia.

Selain itu, AI juga membuka ruang kepada penciptaan pekerjaan baharu, contohnya permintaan akan pakar sains data, jurutera AI, dan penganalisis keselamatan siber. Ini menunjukkan bahawa AI bukan hanya sebagai 'pemusnah pekerjaan' manusia, malah dapat mencipta peluang kerja dalam bidang yang memerlukan kepakaran.

AI dapat mempercepatkan proses membuat keputusan (*decision-making*) dalam organisasi, contohnya, AI digunakan dalam perniagaan bagi menganalisis data pelanggan dengan tepat dan membantu dalam membuat strategi

pemasaran yang lebih berkesan. AI juga digunakan dalam sektor kesihatan, di mana membantu doktor membuat diagnosis awal berdasarkan data pesakit yang telah dikaji secara automatik.

Kesimpulannya, AI dapat mengubah landskap pekerjaan masa depan secara menyeluruh. Walaupun terdapat cabaran, AI juga boleh memberi manfaat kepada manusia. Oleh itu, semua pihak hendaklah bersedia bagi menyambut perubahan ini.

Nama : Dayangku Nuriffah Syafiqah
binti Pengiran Rosli
No. K/P : 01-087XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
2. 'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025
3. 'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



75 Tahun Pengakap Tunas : Membangun generasi masa depan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam
Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

SEJAK penubuhannya lebih tujuh dekad, pergerakan Pengakap Tunas telah menjadi platform penting dalam pembentukan jati diri dan pembangunan karakter kanak-kanak. Bermula sebagai sebuah usaha untuk memperkenalkan latihan berstruktur kepada golongan muda, pergerakan ini telah menjadi tonggak dalam membentuk generasi yang berdaya tahan, berdisiplin serta mempunyai semangat kepimpinan dan tanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan negara.

Pergerakan Pengakap Tunas atau Wolf Cubs diperkenalkan oleh Pengasas Pengakap Sedunia, Lord Baden Powell, pada tahun 1916 di London, sebagai respons terhadap keperluan latihan berstruktur untuk kanak-kanak yang lebih muda. Sejak itu, pergerakan ini terus berkembang pesat dan mendapat sambutan meluas di seluruh dunia, termasuklah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pergerakan Pengakap Tunas di NBD mula diperkenalkan pada awal tahun 1950. Sejak itu, ia telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam mendidik serta membentuk nilai-nilai kepimpinan, kerjasama dan tanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak secara berterusan.

Pengakap Tunas adalah salah satu daripada bahagian di dalam pergerakan pengakap sedunia. Mereka terdiri daripada yang berumur dari 7 tahun sehingga 11 tahun (bersekolah di peringkat sekolah rendah dari Tahun 3 hingga Tahun 6).

Bahagian ini berperanan sebagai langkah awal untuk memperkenalkan dunia kepengakapan kepada anak-anak kecil, di samping melengkapkan latihan dan kemajuan dalam pergerakan pengakap. Ia juga bertujuan memastikan setiap ahli diberi peluang serta galakan untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat sebagai individu yang berperanan dan berfaedah. Anugerah tertinggi yang boleh dicapai oleh Ahli Pengakap Tunas ialah Anugerah Akela di samping lencana-lencana kemahiran.

Menurut catatan dalam Brunei Annual Report 1950 terdapat 19 orang Ahli Anak Serigala (Wolf Cubs) atau Pengakap Tunas di bawah Setia Senior Staff School, Belait. Manakala beberapa laporan dari majalah

pengakap ada menyatakan bahawa pada tahun 1953 seramai 18 orang Anak Serigala (Pengakap Tunas) Sekolah Melayu Sinaut, Tutong. Pasukan pengakap di bawah kepimpinan Awang Basir bin Taha (Allahyarham Dato Paduka Awang Haji Basir bin Taha) telah menggerakkan dan mengaktifkan pasukan pengakap di Daerah Tutong.

Di Daerah Belait, Pasukan Pengakap Tunas Sekolah Panaga menyertai satu Perkhemahan Pengakap di Daerah Tutong pada tahun 1954. Pergerakan Pasukan Pengakap Tunas di Daerah Brunei dan Muara pula ditubuhkan pada tahun 1964, iaitu di Sekolah Melayu Sungai Kebun yang dipimpin oleh Awang Sharbini bin Taha.

Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas

Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD merupakan satu peristiwa bersejarah yang penting dalam pergerakan pengakap, bertujuan untuk menghargai segala pencapaian, perkembangan dan sumbangan yang telah diberikan oleh bahagian ini dalam membentuk generasi muda negara.

Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas ini telah diadakan di Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (The Brunei Scouts Association - PPNBD) pada 20 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan dengan 17 Jun 2025 Masihi dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Ketua Pengakap (Chief Scout) PPNBD dengan kehadiran seramai 300 ahli-ahli pengakap.

Dengan tema 'Pengakap Tunas Kitani, Masa Depan Kitani', sambutan ini menegaskan komitmen berterusan PPNBD dalam melahirkan generasi muda yang berdaya tahan, berdedikasi dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara melalui pendidikan bukan formal yang progresif dan inklusif.

Selaras dengan tema ini, moto Pengakap

Tunas 'Buat Habis Baik' menjadi pegangan utama setiap ahli dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan, sekali gus mendidik mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh, berdisiplin, jujur serta tidak mudah berputus asa.

Moto ini juga membentuk peribadi yang bertanggungjawab dan bersemangat tinggi, serta menanam nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian sebagai seorang Pengakap Tunas yang cemerlang.

Objektif sambutan

Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas bukan sahaja merupakan detik bersejarah, malah turut membawa pelbagai objektif yang bermatlamat untuk memperkukuh peranan pergerakan ini dalam masyarakat. Antara objektif utama sambutan ini adalah :

- Menghargai Sejarah - Mengiktiraf pencapaian dan sumbangan Pengakap Tunas sepanjang 75 tahun penubuhannya.
- Meningkatkan Kesedaran - Menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pergerakan ini dalam pembangunan kanak-kanak.
- Menggalakkan Penyertaan - Menarik minat lebih ramai kanak-kanak untuk menyertai Pengakap Tunas.
- Menjalin Hubungan - Memperkukuhkan hubungan antara pergerakan pengakap dan masyarakat secara menyeluruh.

Pencapaian

Sepanjang tempoh 75 tahun ini, pergerakan Pengakap Tunas telah memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai murni seperti disiplin, kepimpinan, kerja berpasukan dan tanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak. Antara pencapaian utama termasuklah :

- Penganjuran empat kali program Cubboree pada tahun 2008, 2010, 2012 dan 2016. Manakala penganjuran kali keempat diadakan pada 18 - 23 Mac 2016 yang mencatatkan pertemuan menarik dalam kalangan Ahli-ahli Pengakap Tunas dari negara jiran serantau.
- Penyertaan dalam semua Edisi Jambori Pengakap Brunei : 1985, 1989, 1999, 2013 dan 2023.
- Penyertaan tahunan dalam Jamboree On The Air (JOTA) dan Jamboree On The

Internet (JOTI).

- Penganjuran Kursus Kepimpinan Ketua Enam Sekawan (Sixer's Leadership Course) sejak 2008.

- Penganjuran dua edisi Sukan Ria Pengakap Tunas, sebagai platform menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat.

- Pembaharuan Skim Lencana Pengakap Tunas turut dilaksanakan, termasuk pengubahsuaian struktur pencapaian dengan memperkenalkan Anugerah Akela sebagai anugerah tertinggi dalam peringkat Pengakap Tunas.

Keterangan logo sambutan

Logo Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas melambangkan warisan, semangat, dan komitmen pergerakan ini dalam membentuk generasi muda sejak 1950. Setiap elemen daripada angka simbolik, warna-warna rasmi, hingga watak kanak-kanak beruniform dihindungkan untuk menyerlahkan nilai komuniti, disiplin, dan pembangunan karakter, selaras dengan visi PPNBD dalam mempersiapkan masa depan negara melalui pendidikan bukan formal. Ia direka bentuk sesuai dalam mengenang dan mengimbas kembali pencapaian Pengakap-pengakap Tunas sehingga sekarang.

Penutup

Menelusuri perjalanan selama 75 tahun, nyata bahawa pergerakan Pengakap Tunas telah memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi muda seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kejayaan demi kejayaan yang diraih membuktikan kekuatan sistem latihan serta nilai-nilai yang diterapkan, mencerminkan komitmen berterusan PPNBD.

Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas bukan hanya sebagai penghargaan semata-mata tetapi juga sebagai suntikan semangat untuk terus maju menghadapi cabaran masa depan. Dengan berpaksi moto 'Buat Habis Baik' dan berlandaskan prinsip-prinsip pengakap, diyakini bahawa Pengakap Tunas akan terus menjadi landasan kukuh dalam melahirkan pemimpin masa hadapan yang cemerlang, berintegriti dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.





Persediaan menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79, perlihatkan semangat padu, komitmen rakyat

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

ALHAMDULILLAH, tinggal beberapa hari saja lagi kita akan menyambut hari bersejarah yang mana seluruh lapisan rakyat dan penduduk telah menunjukkan semangat kegigihan dan kerjasama yang amat padu ke arah melancarkan segala acara dan program yang dirancang di peringkat kebangsaan mahupun daerah-daerah dengan teratur, sempurna dan penuh kejayaan. Kelangsungan semua ini berkat muafakat yang bulat antara semua jawatankuasa baik di pihak kerajaan mahupun swasta.

Tanggal 15 Julai setiap tahun, negara kita Brunei Darussalam akan menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan rasa kegembiraan dan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melanjutkan usia baginda serta terus kekal karar menerajui kepimpinan negara dan rakyat di negara ini yang sama-sama kita kasihi.

Persiapan menyambut Hari Keputeraan Ke-79

Di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan (BSB) dan di ketiga-tiga daerah yang lain dihiasi dengan pelbagai bentuk hiasan dan corak lampu cucul (*neon*) beraneka warna, terbinanya pintu-pintu gerbang, di samping pengibar bendera rasmi negara di serata tempat yang menambahkan lagi suasana keceriaan dan kegembiraan. Apa pun corak acara yang akan diadakan itu ia adalah bagi meningkatkan semangat perpaduan dan kerjasama yang mantap bagi menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.

Saat inilah sekitar Ibu Negara BSB kelihatan bergemerlapan dan bermandikan cahaya lampu-lampu cucul yang berkeliluan. Keadaan menjadi lebih cantik, terang-benderang dan meriah dengan adanya hiasan pintu-pintu gerbang dan lampu-lampu cucul berwarna-warni terhias indah, mempamerkan betapa rakyat Brunei sungguh kasihkan raja dan cintakan bangsa dan negara mereka.

Keindahan persekitaran juga kelihatan begitu indah dengan adanya kibaran bendera negara di bangunan-bangunan dan gedung perniagaan yang jelas memperlihatkan akan ketaatsetiaan rakyat kepada raja yang dikasihi ditambah juga dengan hiasan kain rentang merafakkan sembah ucapan Hari Keputeraan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, selain mengibarkan bendera peribadi masing-masing yang bermula pada 1 Julai 2025. Manakala poster-poster bagi membarigakan dan menghimbau kesedaran rakyat terhadap perayaan juga turut dipasang di tempat-tempat strategik.

Pendek kata, segala persiapan telah diatur begitu rupa. Sebagaimana yang kita maklum bahawa 15 Julai adalah tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam kerana pada tarikh itulah raja yang kita kasihi telah diputerakan.

Sokongan padu

Ini jelas menunjukkan bahawa semua lapisan masyarakat di negara ini tidak terkecuali para peniaga sama-sama memberikan sokongan padu ke arah

memeriahkan suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda. Ini sebagai tanda kesyukuran rakyat dalam mengenang jasa dan pemeduliaan baginda. Semua ini menunjukkan masyarakat Brunei bersatu dalam menyokong, mendukung, menjayakan dan memeriahkan serta meraikan perayaan yang sangat bersejarah ini.

Kesetiaan rakyat dan penduduk yang tidak berbelah bahagi kepada raja kita yang tercinta dan ini juga merupakan teras keutuhan bernegara dan kekuatan berbangsa. Melalui komitmen ini sudah setentunya akan membuahkan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan lapisan masyarakat dan akan menghasilkan keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman yang berterusan. Dengan adanya perpaduan, persefahaman, kerjasama, semangat dan sumbangan serta penglibatan yang berterusan daripada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk sektor awam dan swasta, maka segala kemeriahan, keceriaan dan kegembiraan sambutan perayaan ini akan dapat dikecapi dan dirasakan bersama.

Perayaan bersejarah

Perayaan yang diadakan setiap 15 Julai pada setiap tahun antara yang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan rakyat negara ini sebagai suatu perayaan tanda syukur ke hadirat Allah kerana negara dan rakyat dikurniakan seorang raja yang berjaya menerajui pembangunan. Segala persiapan menyambut perayaan itu di pelusok negara sudah dirancang berjalan dengan adanya semangat kerjasama dan bersatu padu di kalangan rakyat dan penduduk negara ini. Setiap tahun, kejayaan dalam mengunggulkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda, semua pihak agensi-agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan sukarelawan, pertubuhan bukan kerajaan,

persatuan-persatuan wanita dan belia berganding bahu bagi merealisasikan semua acara yang dirancang. Kesemua ini adalah bersumber daripada talian kerjasama dan persefahaman yang terus wujud dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

Kibarkan bendera

Sebagai tanda memperingati Hari Keputeraan baginda serta sebagai tanda menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja, maka pada setiap tahun kita meraikan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diarahkan mengibarkan bendera negara sebagai tanda membesarkan dan memeriahkan suasana Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda.

Adapun seruan untuk mengibarkan bendera telah bermula pada 1 Julai 2025, oleh itu, marilah kita sama-sama menyahut seruan kerajaan supaya mengibarkan bendera negara ini sebagai tanda ketaatan dan kesetiaan kita kepada raja yang dicintai. Dengan integrasi masyarakat dengan kerajaan yang sedia terjalin akrab di negara ini bukan sahaja merupakan simbol perpaduan dan kesepakatan yang tinggi di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini tetapi juga membuktikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis baginda.

Ke arah ini, sama-sama meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda dengan rasa syukur dan gembira. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita sebagai hamba-Nya yang soleh serta dapat berkhidmat dan berbakti kepada raja, agama dan bangsa dan seterusnya kita dapat mencapai kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik, Kekal Karar Memerintah Di Atas Takhta'.



LEBIH 700,000 ORANG HILANG TEMPAT TINGGAL DI GAZA SEJAK MAC



HAMILTON (Kanada), 8 Julai. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Isnin menyuarakan kebimbangan berhubung pemindahan besar-besaran secara paksa yang berterusan di Semenanjung Gaza dan memberi amaran bahawa lebih 700,000 orang telah kehilangan tempat tinggal sejak gencatan senjata tamat pada Mac susulan operasi ketenteraan Israel yang berterusan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Semalam, pihak berkuasa Israel mengeluarkan satu lagi arahan pemindahan paksa bagi sebahagian kawasan Khan Younis untuk kali kedua dalam tempoh dua hari. Rakan sekerja kami menganggarkan lebih 50,000 orang berada di kawasan yang dijadualkan untuk dipindahkan," kata jurucakap PBB Stephane Dujarric pada sidang media.

"Kami mengingatkan anda bahawa sejak gencatan senjata berakhir pada Mac, lebih 700,000 manusia telah kehilangan tempat tinggal di Gaza, ramai antara mereka kehilangan tempat tinggal lebih daripada sekali dan mereka tiada tempat selamat untuk dituju," katanya.

Dujarric berkata rakyat Palestin "dilaporkan terbunuh pada hujung minggu lalu ketika cuba mendapatkan makanan", selain memaklumkan hospital kini "sesak" dengan pesakit yang cedera ketika mencari bantuan.

"Kami sekali lagi dengan jelas mengutuk pembunuhan semua orang awam," katanya, sambil merujuk laporan terbaru Program Makanan Sedunia yang menyatakan "satu daripada setiap tiga orang di Gaza tidak makan selama beberapa hari, menyebabkan lebih ramai berisiko

kebuluran."

Beliau turut menggesa Israel membuka semua lintasan bagi memudahkan pengagihan bantuan di wilayah itu, sambil menekankan bahawa "untuk bulan keempat berturut-turut, pihak berkuasa Israel tidak membenarkan sebarang bekalan bahan api memasuki Gaza."

"Bahan api adalah "nadi kehidupan" di Gaza dan pihak berkuasa Israel mesti membenarkan bekalan ini masuk tanpa sebarang kelewatan lagi," katanya, sambil memberi amaran bahawa "Gaza boleh mengalami gangguan internet dalam masa terdekat akibat kekurangan bahan api."

Beliau turut melaporkan bahawa tiga daripada lapan percubaan penyelarasan bantuan kemanusiaan telah ditolak Israel pada Ahad, sekali gus

menghalang operasi kritikal. - ©BERNAMA

14 cedera dalam kebakaran pusat data di Kaherah

KAHERAH, 8 Julai. - Seramai 14 orang cedera dalam kebakaran membabitkan sebuah bangunan telekomunikasi di ibu negara Mesir, Kaherah pada Isnin.

Insiden itu menyebabkan gangguan sebahagian perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan metropolitan "Greater Cairo", lapor Xinhua.

Kementerian Kesihatan Mesir

dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa mangsa yang cedera telah dibawa ke hospital berhampiran untuk menerima rawatan.

Agensi berita rasmi MENA melaporkan bahawa pasukan bomba berjaya mengawal kebakaran di bangunan "Ramses Central Exchange" dan mengambil tindakan lanjut bagi

memastikan kebakaran tidak berulang.

Sementara itu, Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Telekomunikasi Kebangsaan Mesir memaklumkan kerja-kerja sedang dijalankan untuk menilai tahap kerosakan dan memulihkan perkhidmatan secara berperingkat. - ©BERNAMA

21 kanak-kanak maut dalam banjir kilat di Texas

WASHINGTON, 7 Julai. - Sekurang-kurangnya 21 kanak-kanak disahkan maut apabila banjir kilat melanda negeri Texas pada awal pagi Jumaat, menurut pegawai tempatan lapor Agensi berita Jerman, dpa.

Pihak berkuasa tempatan pada Ahad memaklumkan bahawa operasi mencari dan menyelamatkan masih diteruskan bagi mengesan beberapa kanak-kanak yang dilaporkan hilang dari sebuah kem

musim panas yang terletak berhampiran Sungai Guadalupe.

Kem itu disertai lebih 750 kanak-kanak ketika banjir melanda secara tiba-tiba selepas hujan lebat.

Selain kanak-kanak, seramai 38 orang dewasa turut terkorban di seluruh negeri akibat banjir kilat itu, menjadikan jumlah keseluruhan mangsa yang terkorban sekurang-kurangnya 59 orang.

Beberapa mayat masih belum

dikenal pasti setakat Ahad.

Timbalan Gabenor Texas, Dan Patrick berkata paras air sungai meningkat hampir lapan meter dalam tempoh yang singkat pada awal pagi ketika ramai mangsa masih tidur.

Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mengisytiharkan bencana bagi membolehkan bantuan persekutuan tambahan disalurkan ke kawasan yang terjejas. - ©BERNAMA

Thailand keluar amaran banjir dan tanah runtuh di 33 wilayah

BANGKOK, 7 Julai. - Kerajaan Thailand menyenaraikan 33 wilayah dalam keadaan berjaga-jaga minggu ini susulan ramalan hujan lebat berterusan yang berpotensi mencetuskan banjir kilat dan tanah runtuh.

Timbalan Jurucakap Kerajaan, Sasikan Watthanachan berkata, Jabatan Pencegahan dan Mitigasi Bencana (DDPM) mengeluarkan amaran kepada kawasan di bahagian utara, timur laut, tengah dan selatan negara itu untuk memantau risiko banjir kilat, limpahan air hujan, tanah runtuh serta banjir di kawasan tanah rendah.

"Agensi berkaitan di kawasan berisiko tinggi diarahkan bersiap siaga 24 jam dan bersedia untuk bertindak balas terhadap

sebarang kecemasan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Sasikan, DDPM turut mengarahkan pihak berkuasa wilayah dan pusat pencegahan bencana serantau agar memantau secara rapi kawasan yang mencatatkan taburan hujan melebihi 90 milimeter dalam tempoh 24 jam, serta kawasan yang sering dilanda banjir.

"Pihak berkuasa perlu segera memeriksa dan membaiki benteng banjir, membersihkan saluran air yang tersumbat serta mengurus sumber air dari hulu ke hilir secara sistematik.

"Tarikan pelancongan semula jadi yang berisiko seperti air terjun dan gua juga mesti dipantau dengan teliti. Sekiranya terdapat

ancaman bahaya, kawasan itu perlu ditutup serta-merta," katanya.

Kerajaan turut menggesa penduduk di kawasan berisiko tinggi agar sentiasa mendapatkan maklumat terkini melalui aplikasi 'THAI DISASTER ALERT' dan platform rasmi dalam talian Jabatan Pencegahan dan Mitigasi Bencana.

Beliau berkata, sistem amaran melalui siaran sel atau *cell broadcast* kini beroperasi sepenuhnya dan bersedia untuk digunakan di seluruh negara.

Pada November tahun lalu, banjir besar yang melanda selatan Thailand telah meragut 29 nyawa dan memaksa lebih 100,000 keluarga berpindah. - ©BERNAMA

Paschal Donohoe dipilih semula sebagai Presiden Eurogroup

BRUSSELS, 8 Julai. - Menteri Kewangan Ireland Paschal Donohoe dipilih semula sebagai Presiden Eurogroup pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Forum yang menghimpunkan menteri kewangan 20 negara Kesatuan Eropah (EU) bersidang setiap bulan bagi membincangkan dan menyelaraskan dasar ekonomi serta isu-isu utama.

Donohoe yang memegang jawatan presiden sejak Julai 2020 dan akan terus mengetuai kumpulan itu untuk tempoh dua tahun setengah lagi selepas pesaingnya, Carlos Cuerdo dari Sepanyol dan Rimantas Sadzius dari Lithuania, menarik balik pencalonan mereka.

"Saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan menteri atas kepercayaan yang mereka berikan kepada saya untuk terus memimpin tugas penting kita bagi penggal ketiga," kata Donohoe.

Menteri kewangan itu menyatakan bahawa zon euro telah "membuktikan daya tahan yang sangat kukuh" di tengah-tengah "perubahan geopolitik yang ketara". - ©BERNAMA

Angka korban runtuh bangunan di Pakistan meningkat kepada 27 orang

ISLAMABAD, 7 Julai. - Angka korban akibat runtuh sebuah bangunan di bandar pelabuhan Karachi, Pakistan meningkat kepada 27 orang selepas operasi mencari dan menyelamatkan berlangsung selama dua hari, lapor agensi berita Jerman, dpa.

"Sebanyak 27 mayat berjaya ditemukan sepanjang operasi dijalankan," kata pegawai kanan kerajaan, Javed Nabi yang mengetuai usaha mencari mangsa sejak bangunan itu runtuh pada Jumaat.

Mangsa terdiri daripada 15 lelaki, sembilan wanita dan tiga kanak-kanak.

Terdahulu, Ketua Menteri Wilayah Sindh, Murad Ali Shah memaklumkan bahawa kerajaan wilayah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menjalankan siasatan terperinci berhubung punca kejadian.

Beliau turut mendedahkan bahawa lebih 480 bangunan di Karachi diisytiharkan sebagai berbahaya, namun ramai penduduk enggan berpindah apabila diarahkan.

Media tempatan menyiarkan imej bangunan yang runtuh itu - yang sebelum ini telah dikenal pasti sebagai bangunan tidak selamat untuk didiami - serta memaparkan usaha pasukan penyelamat mengesan mangsa di bawah timbunan runtuh.

Kod keselamatan bangunan sering diabaikan di Pakistan, menyebabkan kejadian seumpama ini kerap berlaku, khususnya di Karachi. - ©BERNAMA

Gunung Lewotobi di Indonesia meletus, cetus amaran keselamatan

JAKARTA, 7 Julai. - Letusan kuat Gunung Lewotobi Laki-laki di Daerah Flores Timur, Republik Indonesia pada Isnin mencetuskan amaran bahaya apabila abu tebal dan batu kerikil yang jatuh mengancam penduduk berhampiran.

Letusan pada 11.05 pagi waktu tempatan itu memuntahkan awan mengandung abu berwarna kelabu hingga hitam dan berintensiti tinggi sehingga 18 kilometer dari puncak gunung dengan serpihan gunung berapi dilaporkan jatuh di kawasan sekitar.

Pos Pemerhatian Gunung Lewotobi Laki-laki mengesahkan letusan masih berterusan dan menasihatkan penduduk di lereng gunung menghentikan semua aktiviti serta bersiap sedia untuk berpindah jika keadaan bertambah buruk.

"Mereka yang terjejas akibat hujan abu dinasihatkan memakai pelitup muka atau menutup hidung dan mulut untuk mengelakkan bahaya pernafasan yang disebabkan oleh abu gunung berapi," menurut laporan itu.

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi Republik Indonesia (PVMBG) telah menaikkan tahap amaran kepada Tahap Empat - yang tertinggi pada skala - dan menggesa penduduk serta pelancong mengelakkan semua aktiviti dalam radius enam kilometer dari kawah serta hingga tujuh kilometer di sektor barat daya hingga timur laut. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



TINGKATKAN KESEDARAN PENJAGAAN KESIHATAN, KEPENTINGAN MEMELIHARA ALAM SEKITAR



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada aktiviti Riadah Berjalan Kaki dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyertai aktiviti berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Julai. - Kementerian Pembangunan baru-baru ini mengadakan aktiviti Riadah Berjalan Kaki yang membawa tema 'Walk as One, Work as One' bertempat di Taman Rekreasi Tanjung Batu, Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

'Walk as One, Work as One' menggambarkan semangat kebersamaan dan kerjasama dalam kalangan warga kementerian. Selain itu, ia menyeru agar semua melangkah dan bekerja secara sepadan, saling menyokong serta bergerak ke arah matlamat yang sama demi kejayaan organisasi dan kesejahteraan bersama.

Seramai 200 warga yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta

jabatan-jabatan di bawahnya hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi acara tersebut.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat dan diteruskan dengan riadah berjalan kaki sejauh 1.2 kilometer.

Sebagai usaha kementerian dalam sama-sama menjaga kebersihan kawasan berkenaan, aktiviti riadah tersebut diselenggarakan dengan kempen kebersihan yang diharap akan dapat meningkatkan kesedaran

tentang kepentingan memelihara alam sekitar serta memupukkan rasa tanggungjawab dalam bersama-sama menjaga kebersihan di tempat awam dalam kalangan warga kementerian.

Sebanyak 250 kilogram sampah yang terdiri daripada botol plastik, beg plastik, bungkusan makanan, penyedut minuman dan pukat ikan yang terbiar berjaya dikumpul semasa kempen kebersihan tersebut. Kesemua sampah tersebut telah



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

dilupakan dengan selamat dan teratur selepas acara berakhir.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar; dan Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir. Awang

Norazmi bin Othman; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal serta Jabatan Saliran dan Pembetulan, JKR tersebut merupakan aktiviti tahunan yang diadakan bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

PASMA anjurkan Pertandingan Memanah untuk pelajar sekolah menengah, prauniversiti

■ Siaran Akhbar : Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Julai. - Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA) akan menganjurkan sebuah Pertandingan Memanah yang dibukakan kepada semua pelajar sekolah menengah dan prauniversiti dari institusi kerajaan mahupun swasta yang berdaftar di bawah Kelab CCA Memanah bagi tahun 2025.

Pertandingan ini merupakan satu inisiatif PASMA dalam usaha memperkasakan penyertaan aktif pelajar dalam bidang sukan

memanah, di samping menyemai nilai kesukanan, disiplin dan daya saing yang sihat dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang aktif dalam kelab kokurikulum untuk mengetengahkan kemahiran serta bakat mereka dalam suasana pertandingan yang tersusun dan bertauliah.

Pemenang dalam kejohanan ini akan menerima pengiktirafan dalam bentuk trofi kejohanan

serta pingat untuk tempat pertama, kedua dan ketiga, sebagai simbol kejayaan dan pencapaian dalam aktiviti kokurikulum masing-masing.

Justeru itu, pihak PASMA dengan ini membuka ruang kepada penyertaan secara rasmi melalui pendaftaran yang telah pun dibuka dan akan ditutup pada 15 Julai 2025.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut atau pendaftaran penyertaan, para pelajar atau pihak sekolah boleh terus menghubungi Jawatankuasa Pertandingan dan Pengurusan di talian +673 8996334.



KEDUDUKAN KEJOHANAN PIALA LELE CHETERIA 2025

POS	CLUB	P	W	D	L	PTS
1	 MIRI FA	6	5	1	0	16
2	 LIMBANG FA	6	4	2	0	14
3	 GERGASI FC	7	4	2	1	14
4	 KASUKA FC	7	4	2	1	14
5	 PKT FT	7	3	0	4	9
6	 SPORTS SCHOOL FC	7	1	2	4	5
7	 SHADA FT	7	0	2	5	2
8	 SUPASTRIKAS	7	0	1	6	1

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERHIJRAH MENJADI MATLAMAT DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT ISLAM